Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya adalah satu program dibawah PJ Safe. Pihak Majlis memperuntukkan RM 5,000.00 kepada Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) yang aktif melaksanakan program rondaan keselamatan di kawasan komuniti penduduk. Tahun 2014, pihak Majlis memperluaskan peruntukan RM 5,000.00 ini kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) mengikut terma dan syarat-syarat. Sehingga kini, 62 permohonan diterima melibatkan 6 JMB, 35 RA dan 21 RT. Manakala, program rondaan bersama pihak Polis Diraja Malaysia telah dilaksanakan pada 21 Disember 2013 yang melibatkan rondaan bersama di kawasan-kawasan "Hot Spot" setiap 3 kali seminggu. Kedua-dua program ini merupakan inisiatif pihak Majlis ke arah memastikan kawasan kejiranan selamat.



5. Kawalan Keselamatan

Pihak Majlis juga bertanggungjawab memastikan harta benda Majlis yang melibatkan bayaran dan aset ditahap yang selamat. Di samping itu, sebanyak 41 CCTV telah dipasang dan dipantau melibatkan kawasan dalam bangunan dan luar.

Pihak Majlis juga telah menambah bilangan CCTV pada tahun 2014 sebanyak 71 unit melibatkan 44 CCTV indoor dan 27 CCTV outdoor meliputi kawasan aset-aset Majlis seperti taman-taman utama dan kawasan Pusat Bandar Seksyen 52.

6. Bilik Gerakan CCTV 24 Jam

Pihak Majlis telah menyediakan sebuah Bilik Gerakan CCTV yang beroperasi 24 jam bagi memantau keseluruhan kawasan MBPJ. Sejumlah 96 unit CCTV yang mempunyai rangkaian hubungan dengan pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling.

CCTV ini ditempatkan di lokasi yang telah dikenal pasti oleh pihak MBPJ dan PDRM sebagai kawasan "hot-spot". Bilik gerakan ini juga menjadi "center point" kepada pemantauan dan kawalan yang melibatkan tugas-tugas PBT bagi semua aspek mengikut perundungan sedia ada. Bilik Gerakan CCTV juga akan dijadikan pusat setempat yang memantau CCTV di persimpangan trafik. One Stop Center juga akan melibatkan CCTV yang dibekalkan oleh pemaju melalui syarat tetap di dalam setiap kelulusan pembangunan baru. Bahagian Kejuruteraan dan Unit Teknologi Maklumat akan menyelaraskan di dalam pengambilan ini. Ia juga turut melibatkan Jabatan Kejuruteraan dan Bahagian Teknologi Maklumat.

7. Program "Caring Enforcement"

"Caring Enforcement" merupakan satu pendekatan yang mewujudkan oleh pihak Jabatan untuk menghimpunkan Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) dengan pengedaran *flyers* dan mengadakan publisiti seperti pameran bagi mewujudkan kawasan kejiranan yang selamat di kalangan penduduk sekitar Petaling Jaya.



Jabatan Landskap & Kehijauan Bandar



Perkhidmatan Lanskap

Pembangunan pesat di Petaling Jaya akibat pertumbuhan pesat ekonomi semasa banyak mempengaruhi dan merubah persekitaran kehidupan penduduknya. Oleh itu usaha mewujud dan mengekalkan persekitaran yang hijau yang boleh memberi manfaat kepada kehidupan penghuni Petaling Jaya sentiasa menjadi fokus jabatan bagi mengimbangi pembangunan dengan keperluan penduduk untuk terus menikmati kehidupan yang berkualiti. Aktiviti-aktiviti lanskap yang sistematis dan berfungsi menjadi agenda tahunan jabatan termasuklah aktiviti perancangan lanskap di kawasan pemajuan baru, penghijauan bandar serta menaik taraf kawasan sedia ada.

Jabatan mendokong hasrat Majlis untuk mewujudkan reruang awam / hijau yang berfungsi bukan hanya sekadar ruang rekreasi pasif tetapi juga untuk memenuhi keperluan infrastruktur hijau sebagai hab bagi menggalakkan komuniti berinteraksi dan menggalakkan perpaduan sesama mereka.

Selain daripada penghijauan bandar, penyediaan dan menyelenggaraan kemudahan riadah yang berdaya saing juga diberi perhatian oleh jabatan bagi memupuk minat dan menggalakkan amalan hidup sihat di kalangan warga Petaling Jaya melalui kegiatan riadah di sekitar kediaman mereka.

Fungsi

Jabatan Lanskap dan Kehijauan Bandar ditadbir melalui empat bahagian dengan fungsi seperti berikut:

Bahagian Pentadbiran

Mengurus aktiviti pentadbiran, merancang, merangka dan menyelaras program pembangunan kemahiran kontraktor dan perkara-perkara yang berkaitan dengan maklumat jabatan dan perkhidmatan/hubungan dengan komuniti.

Bahagian Perancangan Dan Kawalan

Merancang, mengawal, memantau dan mengurus pembangunan lanskap sejajar dengan kehendak akta / dasar / garis panduan lanskap / perintah pemeliharaan pokok serta mengurus data dan maklumat lanskap.

Bahagian Kemudahan Awam



Merancang, memantau dan mengurus pelaksanaan aktiviti pengindahan, pembangunan, menaik taraf dan menyelenggara kemudahan kawasan lapang.

Bahagian Penghijauan Bandar


Merancang, memantau dan mengurus pelaksanaan perkhidmatan menyelenggara lanskap, penanaman pokok, pengurusan tapak semai serta perkhidmatan hiasan dan penyelenggaraan pokok teduhan dalam premis.



PERUNTUKAN KEWANGAN



Pecahan Peruntukan Penyelenggaraan Lanskap



Aktiviti Utama Jabatan


Penyelenggaraan Lanskap

Gabungan kerja penyelenggaraan pokok teduhan dan kawasan landscap secara kontrak berpenggal yang diperkenalkan pada 2013 diteruskan setelah melihat keberkesanan pelaksanaannya. Ia meliputi penyelenggaraan rutin tanaman landscap di kawasan liputan kerja, penyelenggaraan pejabat / tandas jika berkaitan, pembersihan tasik, mencantas, memangkas, menebang, membongkar akar dan membersih pokok tumbang termasuk melupuskan hasil kerja.


Kontraktor juga bertanggungjawab untuk bersedia pada setiap masa sekiranya perkhidmatan mereka diperlukan ketika kejadian bencana alam.

Pada tahun ini, MBPJ melalui proses penstrukturkan semula organisasi yang melibatkan perubahan kepada struktur dan fungsi jabatan. Akibat itu sebanyak 18 kontraktor yang dilantik secara kontrak berpenggal pada tahun 2012 yang tamat kontrak pada awal tahun 2014 telah dilantik semula secara bulan ke bulan sehingga kontraktor baru dilantik pada Oktober, 2014.

Pembahagian Kawasan Penyelenggaraan Lanskap Mengikut Zon Ahli Majlis



Statistik Tindakan Terhadap Aduan Penyelenggaraan Pokok Teduhan



Program Penghijauan Bandar

Aktiviti penghijauan bandar dibuat secara berterusan bagi menunjukkan komitmen MBPJ untuk menghijaukan bandarnya dengan menanam / menyulam pokok teduhan sebanyak yang mungkin dan mengindahkan kawasan strategik dengan komposisi tanaman hiasan berbunga atau berdaun berwarna-warni.

Sejumlah RM500,000 disediakan untuk tujuan penanaman / penyulaman pokok teduhan dan pokok-pokok hiasan lain di Petaling Jaya. Sebanyak 6,843 pokok teduhan dari pelbagai spesis dan 175,972 dari lain-lain jenis tanaman telah berjaya ditanam.

Sebahagian Penanaman Komposisi Tanaman Dilaksana Di Kawasan Tumpuan



Sebahagian Projek Penanaman / Penyulaman Pokok Teduhan


LOKASI : SS 4B



LOKASI : PJS 1/35



LOKASI : TAMAN JAYA



Pengurusan Tapak Semaian/Hiasan



- Menyediakan anak benih pokok yang berkualiti.
- Menyediakan prasarana dan sistem pengurusan tapak semaian yang berkesan.
- Sumbangan anak pokok mengikut keperluan.
- Menyediakan perkhidmatan hiasan keraian

Bil.	Program & Aktiviti	Pencapaian
1.	Bekalan Benih dan Pembibitan Pokok	34,819 pokok
2.	Perkhidmatan Hiasan	247 hiasan
3.	Sumbangan Anak Pokok dan Benih	17,434 pokok

Pembibitan Pokok



Perkhidmatan Hiasan Keraian



Perbelanjaan Pembangunan



Program Pengurusan Kawasan Lapang

Pengurusan kawasan lapang terdiri daripada aktiviti berikut:



- Menyelenggara perabot taman (hardscape)



- Menaik taraf kawasan lapang



- Menaik taraf / mengganti Alat Permainan dan Alat Senaman

1. Penyelenggaraan Kawasan Lapang

MBPJ menyediakan kelengkapan dan perabot taman untuk keperluan riadah penduduk Petaling Jaya. Bagi memastikan kelengkapan tersebut sentiasa berkeadaan baik dan berfungsi serta selamat digunakan, lapan (8) kontraktor dilantik untuk menyelenggara perabot landskap dan peralatan taman pada bila-bila masa diperlukan dan 5 kerja inden dikeluarkan bagi menangani segera aduan kerosakan perabot taman. Perbelanjaan bagi menyelenggara perabot landskap dengan keseluruhannya berjumlah RM1,026,232.96

Penyelenggaraan Perabot Landskap Secara Kontrak Berpenggal

Bil.	Zon	Kontraktor	Harga Siling Setahun (RM)	Tempoh Kontrak
Penyelenggaraan Perabot Taman				
1.	1 & 2	Abdul Rahim Bin Mohd Rasul	100,000.00	15/4/2012 - 14/10/2014
2.	1 & 2	Foller Trading	100,000.00	15/4/2012 - 14/10/2014
3.	5 - 7	AI Enterprise	100,000.00	15/4/2012 - 14/10/2014
4.	8 - 10	Semarak Jadit	100,000.00	15/4/2012 - 14/10/2014
5.	11 - 15	Kekal Waja Construction & Services	100,000.00	15/4/2012 - 14/10/2014
6.	16 - 19	Mohd Zaini Construction	100,000.00	15/4/2012 - 14/10/2014
7.	20 - 24	Mozani Trading & Construction Sdn Bhd	100,000.00	15/4/2012 - 14/10/2014
6.	Taman-taman Awam	Razen Enterprise	100,000.00	15/4/2012 - 14/10/2014

2. Menaik Taraf Kawasan Lapang

Program ini adalah program berterusan bagi memastikan semula kawasan lapang di bawah seliaan MBPJ dilengkapi dengan kemudahan yang terkini dan memenuhi keperluan dan kehendak riadah penduduk Petaling Jaya. Semua kawasan lapang di MBPJ perlu memenuhi kelengkapan riadah yang minima mengikut keluasan kawasan lapang berkenaan.

Sejumlah RM1,347,981.00 telah dibelanjakan pada tahun 2014 untuk menambah baik kemudahan dan menaik taraf tiga belas (13) kawasan lapang sedia ada.

Bil.	Butiran	Kontraktor	Kos (RM)	Tempoh Kontrak
1.	Jalan SS 4D/12	Rosa Teguh Enterprise	77,126.00	2/5/14 - 8/8/2014
2.	Jalan SS 4/15	Cempaki Sari Enterprise	115,511.00	2/5/14 - 8/8/2014
3.	Jalan PJS 2C/6	AJ Construction & Maintenance	128,470.00	18/11/14 - 30/12/14
4.	Jalan PJS 2D/9	Edol Bina Enterprise	93,270.00	6/8/14 - 12/11/14
5.	Jalan SS2/80	Fazura Engineering	69,690.00	2/5/14 - 8/8/14
6.	Jalan SS 1/16A	ZNZ Bistari	161,838.00	18/11/14 - 30/12/14
7.	Jalan PJS 1/2	Syarikat Zakaria	54,278.00	6/8/14 - 12/11/14
8.	Jalan SS 3/28	Wazs Enterprise	200,000.00	6/8/14 - 12/11/14
9.	Jalan PJU 3/23C	AZ Lancar Enterprise	65,800.00	6/8/14 - 12/11/14
10.	Jalan 19/40	Syarikat Zakaria	45,040.00	6/8/14 - 12/11/14
11.	Jalan SD 9/9	Million Indah Enterprise	200,000.00	12/11/14 - 4/2/15
12.	Jalan PJS 3/55	EDX Bina Enterprise	106,850.00	12/11/14 - 4/2/15
13.	Jalan PJS 1/25	AZTU Enterprise	146,148.00	18/11/14 - 30/12/14



JALAN PJS 3/52



JALAN PJS 2D/9



PENGINDAHAN SEK.52



JALAN PJS 1/2



JALAN 19/40



JALAN PJU 3/23C



JALAN SS 3/28



JALAN SS 22/20



JALAN PJS 3/50



JALAN PJS 3/44 (FLAT LC)



JALAN SD 2/1B



JALAN SD 11/6

3. Mengganti Peralatan Permainan

Sebanyak sepuluh (10) set peralatan permainan berjaya ditambah baik / diganti dengan perbelanjaan berjumlah RM855,520.00.

1.	Jalan Pekaka 8/7 & Jalan SS 7/15	Wallaq Wira Enterprise	171,490.00	7/4/14 - 30/6/14
2.	Jalan SS 25/1 & Jalan PJU 1/1	Ez Excellent Engineering	169,890.00	7/4/14 - 30/6/14
3.	Jalan SS 26/1 & PJS 2C/6	Zyfco Enterprise	171,310.00	7/4/14 - 30/6/14
4.	Jalan TR 2/3 & Jalan 14/61	Kayima Services	162,200.00	7/4/14 - 30/6/14
5.	Jalan SS 25/14 & Jalan PJS	Dynamique Interscape	180,630.00	7/4/14 - 30/6/14

Program Pembangunan Lanskap

Bil.	Projek	Kos RM
1.	Menaik Taraf Taman Bandaran Kelana Jaya	333,827.50
2.	Menaik Taraf Taman Aman	230,380.00
3.	Menaik Taraf Taman Jaya	214,045.00
4.	Menaik Taraf Lanskap Sek. 52	218,085.00
5.	Pembinaan Boulevard Dan Lain-Lain Kelengkapan Di Seksyen 52	478,800.00
7.	Menaik Taraf Taman Rimba Riang	301,705.00
8.	Menaik Taraf Tapak Semaian Jalan Penchala	285,173.00
9.	Pembinaan Park & Ride LRT Asia Jaya	198,215.00
10.	Pembangunan Railway Park	321,321.00

Projek : Menaik Taraf Taman Bandaran Kelana Jaya



Projek : Menaik Taraf Taman Aman**Projek: Menaik Taraf Taman Jaya**

Projek: Menaik Taraf Taman Rimba Riang



Projek: Menaik Taraf Tapak Semaian Penchala




Projek: Pembinaan Boulevard Dan Lain-Lain Kelengkapan Di Seksyen 52**Projek: Park & Ride Asia Jaya LRT**

Perancangan Dan Kawalan Pembangunan Lanskap

Penyediaan kawasan hijau yang mencukupi adalah penting bagi menjamin kemampaman bandar raya Petaling Jaya. Ia ditentukan melalui proses permohonan kelulusan landscap bagi setiap pembangunan baru. Jabatan Lanskap & Kehijauan Bandar memastikan pihak pemaju memperuntukkan minima 10% dari keluasan pemajuan untuk penyediaan kawasan hijau di atas tanah bagi semua pemajuan kecuali kawasan Rancangan Kawasan Khas Sek. 13 sebanyak 15% sebelum pemaju dibenarkan mengemukakan Permohonan Perancangan. Syarat ini adalah bertujuan untuk memastikan ruang keperluan riadah mencukupi dan penanaman pokok boleh dibuat dengan ruang yang bersesuaian serta kawasan serap air untuk mengurangkan amaun air larian permukaan yang membantu usaha MBPJ ke arah mewujudkan Petaling Jaya Bandar Raya Berkarbon Rendah.

Kemudahan rekreasi bagi pembangunan kediaman perlu ditempatkan secara berpusat, di kawasan yang rata, berfungsi dan dilengkapi mengikut hierarki berdasarkan piawaian 2 hektar kawasan lapang bagi setiap 1,000 penduduk seperti digariskan di dalam Manual Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan Pelan Induk Lanskap MBPJ. Kemudahan ini walau bagaimanapun boleh disediakan di taman atas bumbung bagi pembangunan kediaman berbilang tingkat.

Statistik Proses Permohonan Kelulusan Lanskap



Kempen Penanaman Pokok


Majlis telah berjaya menanam lebih 182,815 pokok melebihi sasaran penanaman 100,000 pokok setahun melalui Program Penghijauan Bandar, Kempen Penanaman Pokok Bersama Komuniti dan Program CSR bersama syarikat-syarikat korporat yang dilaksanakan di sekitar Petaling Jaya sepanjang tahun 2014.

	PENCAPAIAN KEMPEM TANAM POKOK 2014												
	Pokok Utama (Bil.)			Jumlah	Pokok Bunga Raya (Bil.)			Jumlah	Pokok Lain-lain (Bil.)			Jumlah	Jumlah Keseluruhan
	PBT	PEMAJU	NGO		PBT	PEMAJU	NGO		PBT	PEMAJU	NGO		
Sasaran	5,000	14,000	1000	20,000	1,500	8,000	500	10,000	16,000	30,000	10,000	50,000	80,000
Pencapaian	455	6,408	0	6,843	1,290	6,353	0	7,643	24,437	141,892	0	168,329	182,815

Gambar-gambar Kempen Penanaman Pokok Bersama Badan Korporat, Awam dan NGO



Jabatan Pelesenan



Jabatan Pelesenan terdiri daripada:

- 1.Bahagian Penjaja
- 2.Bahagian Tred Serta Merta dan Iklan
- 3.Bahagian Tred Kritikal
- 4.Bahagian Tred Berisiko
- 5.Bahagian Inspektorat
- 6.Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Fungsi Jabatan Pelesenan

Jabatan Pelesenan mempunyai pelbagai fungsi dalam melaksanakan dasar dan garis panduan pelesenan yang ditetapkan. Selain itu, Jabatan Pelesenan berfungsi mengeluarkan lesen premis perniagaan, hiburan, penjaja dan pelbagai lesen serta permit kepada orang awam yang telah membuat permohonan.

Jabatan Pelesenan juga memproses pembaharuan lesen penjaja dan lesen-lesen lain setiap hujung tahun, memproses permohonan baru gerai, pasar dan pasar malam meliputi kerja-kerja temuduga dan bincian. Mengutip sewa serta memantau tunggakan sewaan gerai-gerai Majlis. Jabatan Pelesenan menjalankan tugas memproses permohonan baru lesen-lesen seperti di bawah:

1. Lesen Tred Perniagaan dan Perindustrian
2. Lesen Iklan
3. Lesen Hotel
4. Lesen Pusat Sukan Persendirian
5. Lesen Tempat Letak Kereta
6. Lesen Establisymen Makanan
7. Lesen Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan
8. Lesen Pusat Siber
9. Lesen Hiburan
10. Permit Sementara

Jabatan Pelesenan akan mengambil tindakan ke atas kesemua keputusan mesyuarat yang melibatkan pelesenan sama ada menolak, menangguh dan membatalkan sebarang keputusan dan mengambil tindakan ke atas premis-premis yang telah melanggar syarat seperti penurunan iklan, pemotongan cagar, menangguh, menolak atau membatalkan segala jenis lesen.

Bahagian Penjaja

Bahagian Penjaja memainkan peranan sebagai urus setia dalam pengurusan penjaja di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Antara tugas utama Bahagian ini ialah memproses dan mengeluarkan lesen dan permit penjaja, memproses permohonan permit penjaja, mengeluarkan notis tunggakan sewa.



Lorem Ipsum is simply dummy text of the printing and typesetting industry..

Antara permit penjaja yang diuruskan ialah:

- 1.Lesen gerai kompleks
- 2.Lesen gerai tepi jalan
- 3.Lesen pasar awam
- 4.Lesen pasar pagi
- 5.Lesen pasar malam
- 6.Lesen pasar tani / minggu
- 7.Lesen penjaja bergerak
- 8.Lesen penjaja Uptown D'Kota
- 9.Lesen mesin air

Memproses semua permohonan permit penjaja sementara iaitu:

- 1.Permit penjaja sementara bermasa
- 2.Permit perayaan Ramadan
- 3.Permit perayaan Tahun Baru Cina
- 4.Permit penjaja sementara buah-buahan bermusim
- 5.Permit penjaja sementara stadium
- 6.Permit penjaja sementara musim Haji

Bahagian Penjaja ini berkait rapat dengan Unit Penjaja di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran yang menjalankan tugas-tugas di tapak. Bahagian ini mempunyai kekuatan seramai 8 (lapan) orang kakitangan terdiri daripada 7 (tujuh) orang Pembantu Tadbir dan 1 (satu) Penolong Pegawai Tadbir.

Bilangan Lesen Penjaja Tahun 2014

Bil.	Jenis Penjaja	Bilangan Penjaja
1.	Gerai Kompleks Milik Majlis	821
2.	Gerai Kompleks Milik Swasta	205
3.	Gerai Tepi Jalan	433
4.	Pasar Awam	872
5.	Pasar Pagi	471
6.	Pasar Minggu	182
7.	Pasar Tani	372
8.	Pasar Malam	6,085
9.	Penjaja Bergerak	37
Jumlah		9,478

PROGRAM TEMUDUGA PENJAJA 2014					
Bil.	Tarikh	Lokasi / Aktiviti	Kekosongan	Jumlah Permohonan	Berjaya Temuduga
1.	23/1/2014	Pasar Taman Dato' Harun	4	36	4
		Petak 204B	8	4	1
		Tukar Hak Milik	-	4	2
2.	11/3/2014	Gerai Selera Lindungan PJS 6	2	20	2
		Gerai Damansara Jaya SS 22	2	7	2
		Pusat Penjaja Jalan 17/1A	1	15	1
3.	4/4/2014	Kiosk Desa Mentari	3	5	1
4.	7/5/2014	Petak Jalan Penchala (Baru)	1	8	1
		Petak Jalan 19/3	3	10	2
		Gerai Makan Taman Dato' Harun	5	17	5
		Tukar Hak Milik Lesen	-	11	9
5.	28/5/2014	Gerai Selera Mutiara	2	12	2
		Tukar Hak Milik Lesen	-	2	1
6.	22/7/2014	Gerai Aneka PJS 2C	5	44	5

PROGRAM TEMUDUGA PENJAJA 2014 (SAMB.)

Bil.	Tarikh	Lokasi / Aktiviti	Kekosongan	Jumlah Permohonan	Berjaya Temuduga
7.	20/8/2014	Pasar Kg. Chempaka	4	7	4
		Pasar Taman Dato' Harun	7	27	7
8.	26/8/2014	Gerai Buah-buahan De' Tropika	6	6	4
9.	18/9/2014	Gerai Selera Jaya Jalan 223	10	88	10
10.	29/9/2014	Gerai Farlim PJS 10/24	3	20	3
11.	30/10/2014	Gerai Pelangi Damansara	1	21	1
		Gerai Selera Sri Manja	1	17	1
		Petak Jalan SS 2/62, Selera Malam	1	21	1
		Petak Jalan 51A/227	2	11	2
		Petak Jalan 225P	2	9	2
		Pertukaran Hak Milik Lesen	-	9	4
12.	26/11/2014	Pusat Penjaja Taman Dato' Hormat PJS 10/11	5	8	5
		Pusat Penjaja Selera Wawasan SS 3/33	6	28	6
		Gerai Selera Sukom SS 3/39	8	14	8
		Pasar Pagi SS 2/62	1	6	1
		Gerai Farlim PJS 10/24	1	2	1

Program Cabutan Undi 2014

Bil.	Tarikh	Lokasi	Kekosongan	Lot Yang Kosong
1.	18/2/2014	Tapak PPR Seksyen 8, Kota Damansara	8	AB02, AB07, AB23, AB24, AB29, CD02, CD05, CD09
		Gerai Kg. Sg. Kayu Ara	2	16, 24
		Gerai Medan Selera Mutiara	6	4, 5, 6, 12, 14, 15
		Taman Selera Jalan Othman	6	5, 8, 10 (Melayu) 9, 25, 51 (Bukan Melayu)
		Petak 225G	1	9
		Gerai SUK Jalan 12, Taman Dato' Harun	14	1, 3, 5, 9, 10, 13, 15, 22, 23, 27, 28, 29, 30, 31
		Petak 51A/223	2	11, 12
		Petak 204B	8	2, 4, 6, 8, 9, 10, 11, 12
		Pasar Taman Dato' Harun	9	2-10, 2-13, 2-17, 2-6, 2-40, 2-37, 2-12, 2-38, 1-54
2.	4/4/2014	Gerai Selera Lindungan PJS 6	2	20 (M), 40(M)
		Pusat Penjaja Jalan 17/1A	1	8 (C)
		Gerai Damansara Jaya SS 22	2	5A (C), 9B (C)
3.	7/5/2014	Kiosk Desa Mentari	3	10, 12, 22
4.	18/6/2014	Petak Jalan 19/3	2	5,9
		Petak Jalan Penchala (Baru)	1	A3
		Gerai Makan Taman Dato' Harun	5	2-20, 2-21, 2-22, 2-27, 2-33
		Gerai Selera Mutiara	2	4, 5
5.	29/8/2014	Gerai Aneka PJS 2C	5	4, 6, 37 (Pelbagai) 14, 29 (Makanan)
6.	14/10/2014	Gerai Buah-buahan De' Tropika	6	1, 2, 3, 4, 5, 6
7.	24/10/2014	Gerai Selera Jaya Jalan 223	10	21, 23, 29, 33, 35, 36, 39, 41, 43, 47
8.	10/11/2014	Gerai Buah-buahan De' Tropika	2	3, 6
		Gerai Farlim PJS 10/24	3	4, 6, 9
9.	10/12/2014	Gerai Pelangi Damansara	1	7
		Petak Jalan SS 2/62, Selera Malam	1	18
		Petak Jalan 51A/227	2	3, 8
		Petak Jalan 225P	2	12, 13

Pencapaian Bahagian Gerai, Unit Penjaja Dari Januari Sehingga Disember 2014	
Perkara	Bilangan
Sesi Temuduga Yang Telah Dijalankan	12
Lokasi Gerai Yang Telah Dibuat Temuduga	29
Surat Tawaran Yang Telah Dikeluarkan	162
Sesi Cabutan Undi Yang Telah Dijalankan	9
Lokasi Gerai Yang Telah Dibuat Cabutan Undi	26
Gerai Yang Dinaik Taraf / Diroboh	<ul style="list-style-type: none"> 1. Stesen Bas Jalan Othman 2. Gerai SUK Jalan 12, Taman Dato' Harun 3. Kedai PLB Bukit Lanjan (dalam proses)
Gerai Baru milik Majlis	<ul style="list-style-type: none"> 1. Gerai Farlim PJS 10/24 2. Kiosk Menara MBPJ 3. Gerai Buah-buahan De' Tropika
Bilangan Borang Permohonan Baru Lesen Gerai Yang Telah Diterima	534

Bahagian Tred Serta Merta Dan Iklan

1. Bahagian Tred Serta Merta dan Iklan bertanggungjawab memproses permohonan lesen serta-merta, permit sementara dan iklan yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem, penyediaan bil bayaran, mencetak lesen serta lain-lain.
2. Melaksanakan dasar, pekeliling Kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen iklan.
3. Menyediakan laporan / kertas kerja permohonan baru lesen tred serta-merta bagi kelulusan Pihak Berkuasa Melesen.
4. Menyediakan surat-menyerat berhubung dengan lesen tred serta-merta .
5. Mengemas kini maklumat yang diterima daripada Bahagian Inspektorat setelah pemeriksaan dibuat.
6. Memproses (menyemak dokumen, daftar maklumat di dalam sistem, penyediaan bil bayaran, menyediakan tag anjing serta lain-lain pelaksanaan dasar, pekeliling Kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen anjing.
7. Mengumpul ulasan-ulasan daripada jabatan teknikal untuk proses permit sementara.
8. Memproses permohonan tambahan iklan, tambahan aktiviti perniagaan, dan pindaan butir-butir pada lesen.
9. Memproses permohonan permit-permit iklan sementara.

Bahagian Tred Kritikal

1. Bahagian Lesen Perniagaan Kritikal bertanggungjawab memproses permohonan lesen sementara dan iklan yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem, penyediaan bil bayaran, mencetak lesen serta lain-lain. Lesen yang dikategorikan sebagai kritikal ialah lesen-lesen yang memerlukan ulasan teknikal dalaman sebelum lesen boleh dikeluarkan.
2. Melaksanakan dasar, pekeliling Kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen iklan.
3. Menyediakan laporan / kertas kerja / fail permohonan-permohonan lesen bagi ulasan jabatan teknikal menerusi Unit Pusat Setempat Mini di Jabatan Pelesenan.
4. Menyediakan surat-menyerat berhubung dengan lesen-lesen kritikal.
5. Mengemas kini maklumat yang diterima daripada Bahagian Inspektorat setelah pemeriksaan dibuat.
6. Mengumpul ulasan-ulasan jabatan teknikal.
7. Memproses permohonan tambahan iklan, tambahan aktiviti perniagaan, dan pindaan butir-butir pada lesen.

Bahagian Tred Berisiko

1. Bahagian Tred Berisiko bertanggungjawab memproses permohonan lesen sementara dan kad akuan berisiko serta iklan yang meliputi aktiviti menyemak dokumen, membuka fail, mendaftar maklumat ke dalam sistem, penyediaan bil bayaran, mencetak lesen serta lain-lain. Lesen yang dikategorikan sebagai berisiko ialah lesen-lesen yang memerlukan ulasan teknikal dalaman dan luaran sebelum lesen boleh dikeluarkan. Pemeriksaan lesen dibuat secara bersepada.

Jenis-jenis lesen yang diuruskan oleh Bahagian ini ialah:

- a) Lesen Establisymen Makanan
- b) Lesen Hiburan
- c) Lesen Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan
- d) Lesen Pusat Siber
2. Melaksanakan dasar, pekeliling Kerajaan Negeri atau Persekutuan bagi permohonan baru lesen iklan.
3. Menyediakan laporan / kertas kerja / fail permohonan-permohonan lesen bagi ulasan jabatan teknikal menerusi Unit Pusat Setempat Mini di Jabatan Pelesenan.
4. Menyediakan surat-menyerat berhubung dengan lesen-lesen kritikal.
5. Mengemas kini maklumat yang diterima daripada Bahagian Inspektorat setelah pemeriksaan dibuat.
6. Mengumpul ulasan-ulasan jabatan teknikal.
7. Memproses permohonan tambahan iklan, tambahan aktiviti perniagaan, dan pindaan butir-butir pada lesen.

Bahagian Inspektorat

Bahagian Inspektorat bertanggungjawab memeriksa permohonan-permohonan lesen di tapak. Bahagian ini terdiri daripada 7 (tujuh) orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan yang dipecahkan kepada pemeriksaan bagi lesen kategori:

1. Kritikal
2. Berisiko
3. Serta-Merta

Antara tugas-tugas utama Bahagian Inspektorat:

1. Bahagian Inspektorat juga mengeluarkan notis terhadap mana-mana pihak yang menyalahi peruntukan Akta Kerajaan Tempatan dan Undang-undang Kecil di bawahnya serta undang-undang lain yang berkaitan.
2. Pemeriksaan rutin terhadap premis-premis bukan makanan dan lain-lain premis bagi tujuan pembaharuan lesen dan penguatkuasaan undang-undang.
3. Menjalankan pemeriksaan premis dan menyediakan laporan bagi permohonan baru lesen pusat hiburan dan penguatkuasaan peruntukan Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995.
4. Menjalankan pemeriksaan secara bersepada premis dan menyediakan laporan bagi permohonan baru lesen pusat kesihatan dan penguatkuasaan peruntukan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan.
5. Pemeriksaan aduan yang disampaikan melalui Unit Aduan (Sistem Aduan) dan juga orang awam.

Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

Fungsi Bahagian Pentadbiran dan Kewangan ialah menguruskan hal-hal pentadbiran Jabatan seperti:

- 1.Pengurusan Mesyuarat
- 2.Pengurusan Fail
- 3.Pengurusan Sumber Manusia
- 4.Pengurusan Logistik
- 5.Pengurusan kursus, retreat dan lawatan
- 6.Pengurusan Kewangan
- 7.Pengurusan Kualiti melibatkan ISO, APPC, Star Rating

Aktiviti Bahagian Pentadbiran


Fungsi Bahagian Pentadbiran dan Kewangan ialah menguruskan hal-hal pentadbiran Jabatan seperti:

1. Kaunter Bergerak Bagi Kempen Jom Bayar Lesen

Tempoh: Sepanjang Bulan November dan Disember 2014



LOKASI	TARIKH	MASA
1. Poser Melaka 552/6B, 552/6F	05/11/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
2. Poser Melaka Melaka F	06/11/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
3. Poser Pgj Sek. 17/27	06/11/2014	9.00 Pg - 12.00 Pg
4. Poser Melaka Rumah Sri Manja	11/11/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
5. Poser Melaka 552/6, 55 2/1B	12/11/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
6. Poser Awam Pt. Diklatwan	16/11/2014	9.00 Pg - 12.00 Pg
7. Poser Melaka 55 3/2/9	18/11/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
8. Poser Awam Set. 14	22/11/2014	9.00 Pg - 12.00 Pg
9. Poser Melaka 55 6, Sungai Way	24/11/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
10. Poser Melaka Taman Dato' Wan	27/11/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
11. Poser Pgj 552	01/12/2014	9.00 Pg - 12.00 Pg
12. Poser Melaka Kelana Jaya	01/12/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
13. Poser Melaka Domasore Damai	09/12/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
14. Gerai Selera Impian	09/12/2014	9.00 Pg - 12.00 Pg
15. Poser Melaka T3B 9, Kata Damansara	09/12/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
16. Selera Jaya 223	14/12/2014	9.00 Pg - 12.00 Pg
17. Poser Melaka Pg. Raya Are	16/12/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
18. Petaling Jaya PPS Sek. 8	20/12/2014	9.00 Pg - 12.00 Pg
Kota Damansara		
19. Poser Melaka Pg Lindungan	21/12/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln
20. Gerai Selera Impian Sek. 7	27/12/2014	9.00 Pg - 12.00 Pg
Kota Damansara		
21. Gerai Damansara Jaya 35 22/23	28/12/2014	9.00 Pg - 12.00 Pg
22. Poser Melaka Mentari PIS 6	31/12/2014	9.00 Pg - 6.00 Mln



Faedah

Pihak Majlis membuka kaunter di tempat orang awam bagi memudahkan orang awam membuat pembayaran pembaharuan lesen.

2. Retreat Jabatan




Gambar-gambar Retreat Jabatan Pelesenan 17-19 Oktober 2014


Lokasi: Hotel Seri Malaysia, Sepang

Objektif: Perlaksanaan sistem *anniversary* bagi lesen pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan serta mengetahui proses kerja baru bagi mengurangkan rungutan dan aduan orang awam

Bilangan Permohonan Baru Lesen Perniagaan Dan Iklan Bagi Tahun 2014
a) Ringkasan Mengikut Bulan (Sepanjang Tahun 2014)



b) Jumlah Keseluruhan Bagi Tempoh Setahun (2014)
Permohonan Baru Lesen Sepanjang 2014



Jabatan Pelesenan mempunyai kekuatan anggota sebanyak 52 orang kakitangan yang mana ia diketuai oleh seorang Pengarah. Jabatan Pelesenan berperanan untuk memproses permohonan lesen perniagaan seperti tred dan industri, pusat kecantikan dan kesihatan, hiburan, pusat siber, restoran, iklan-iklan premis serta sementara, permit sementara, penjaja dan pengurusan gerai-gerai Majlis.

Tujuan lesen ini dikeluarkan dan dikenakan kepada semua pengusaha adalah untuk mengawal aktiviti perniagaan agar tidak menimbulkan kacau ganggu, halangan dan memastikan semua penduduk Petaling Jaya hidup dalam keadaan selesa dan harmoni. Perkara 63 Akta 171 menyatakan ‘Sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan adalah berkuasa menjalankan kawalan dan jagaan am ke atas semua tempat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan bagi kegunaan orang ramai atau yang terhadapnya orang ramai akan bila-bila masa mempunyai atau telah memperoleh hak bersama.’

Jabatan Pelesenan sentiasa melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa terhadap proses permohonan lesen dan tempoh masa kelulusan agar lebih MUDAH, CEPAT dan TELUS.

1. Borang Permohonan Lesen

Jabatan Pelesenan telah memperkenalkan penggunaan borang yang lebih mudah serta jelas dan mempunyai garis panduan serta carta alir permohonan lesen. Ketelusan dapat dilihat di mana pada setiap borang disediakan “SOP” yang menunjukkan proses “Front Stage” dan “Back Stage”

1.1 Tujuan penggunaan borang baru ini ialah :-

- Mengurangkan proses ulang alik pelanggan ke kaunter akibat daripada sebab mengisi borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak menyediakan dokumentasi yang diperlukan.
- Dijangka dapat mengurangkan kebergantungan terhadap orang tengah apabila SOP proses pengeluaran lesen dipaparkan dengan jelas dan dokumen sokongan yang diperlukan dipaparkan dengan jelas.
- Mempercepatkan proses penerangan keperluan lesen terhadap pelanggan dan memastikan semua pelanggan mendapat informasi yang sama dan tepat.

Jabatan Pelesenan sentiasa melaksanakan penambahbaikan dari semasa ke semasa terhadap proses permohonan lesen dan tempoh masa kelulusan agar lebih MUDAH, CEPAT dan TELUS.

Borang Permohonan Lesen

Jabatan Pelesenan telah memperkenalkan penggunaan borang yang lebih mudah serta jelas dan mempunyai garis panduan serta carta alir permohonan lesen. Ketelusan dapat dilihat di mana pada setiap borang disediakan "SOP" yang menunjukkan proses "Front Stage" dan "Back Stage"

1.1 Tujuan penggunaan borang baru ini ialah :-

- Mengurangkan proses ulang alik pelanggan ke kaunter akibat daripada sebab mengisi borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak menyediakan dokumentasi yang diperlukan.
- Dijangka dapat mengurangkan kebergantungan terhadap orang tengah apabila SOP proses pengeluaran lesen dipaparkan dengan jelas dan dokumen sokongan yang diperlukan dipaparkan dengan jelas.
- Mempercepatkan proses penerangan keperluan lesen terhadap pelanggan dan memastikan semua pelanggan mendapat informasi yang sama dan tepat.

Bahagian B <i>Senarai keperluan permohonan</i>		
1. Dokumen am yang diperlukan		
1.1 Salinan Kac Perigendelan / Pasport	1.3. Perjanjian Petyawaan Premis yang dimatikan setem atau Perjanjian Jual Beli atau Salinan surat tawaran perjanjian petryawaan (perlu cap kesurua/jaya sumpah)	
1.2 Syarikat Sendiri Berhad - Borang 9 (Perakutan Federedan Syarikat Sendiri) - MAA (Memorandum And Articles Of Association) - 1 set - Borang 24 (Perregang Saham) - Borang 4G (Perrlikuan Syarikat) atau	1.4 Lakaian Pelan Lancar Premis, 1.5 Surat rasmi memberitahu wakil bagi permohonan yang dihantar menggunakan orang perantaraan. 1.6 Surat sebas tidak memerlukan iklan (bagi premis yang tidak memohon cajpan iklan);	
1.2 Syarikat Enterprise / PLT - Borang D (Perakutan Pendekatan Perniagaan) - Maklumat Perniagaan (mempunyai alamat premis dipohon) - Maklumat Pemilik Masa Kini atau 1.2 Sijil pendaftaran persatuan/pertubuhan atau kelab		
2. Dokumen Tambahan (mengikut aktiviti yang dipohon)		
2.1 Lesen bukan serta—mera (Kritis)		
BIL	AKTIVITI	DOKUMEN TAMBAHAN
1.	Pengurup	• Lesen Pengurup Bank Negara Malaysia
2.	Pemberi Pinjaman Wang Berlesen	• Lesen Pemberi Pinjaman Wang Berlesen Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
3.	Pajak Gedai	• Lesen Pajak Gadai Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
4.	Pasaraya Besar (Hypermarket, Supermarket, Departmental Store, Distributive Trade, Specialty Store) - Faziliik Bulan Warganegara	• Kelulusan Jawatankuasa Perdagangan Fingedaran (KPDNKK) • Kelulusan Kebernarar Merancang Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ
5.	Menjual/menyimpan barang-barang Lusuh	• Lesen menjual barang-barang lusuh deripada Polis • Kelulusan Kebernarar Merancang Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ
6.	Stesen Minyak	• Lesen CSA / Surat Keberenhan KPDNKK • Kelulusan Kebernarar Merancang Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ
7.	Tadika	• Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor • Kelulusan Kebernarar Merancang Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ
8.	Sekolah Persendirian	• Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor • Kelulusan Kebernarar Merancang Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ
9.	Pusat Turisyen	• Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
10.	Pusat Perkembangan Minda	• Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
11.	Pusat Bahasa	• Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
12.	Pusat Lesihan Komputer	• Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
13.	Pusat Vokasional	• Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
14.	Pusat Kemahiran	• Kelulusan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
15.	Tasku / Pusat Jagajaan	• Perakuan Pencatcartan Jabatan Kebajikan Masyarakat • Kelulusan Kebernarar Merancang Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ
16.	Institusi Pengajian Tinggi/ Kolej	• Kelulusan Jabatan Pengajian Tinggi • Kelulusan Kebernarar Merancang Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ
17.	Mencuci / Mengilat Kenderaan	• Kelulusan Struktur Bangunan Jabatan Kawalar Bangunan MBPJ (sekeranya terdapat struktur tambahan)
18.	Kelab Persendirian / Rumah Kelab	• Kelulusan Kebernarar Merancang Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ
19.	Per cetakan (<ecuett/ inkjet printing>)	• Lesen Mesin Cetak Kementerian dalam Negeri (CDN)

2. Pemeriksaan Bersepadu

Bagi mempercepatkan kelulusan lesen, pemeriksaan secara bersepadu di antara agensi dalaman seperti Jabatan Kesihatan MBPJ dan juga agensi luaran seperti PDRM, SPRM dan Bomba juga telah dilaksanakan. Ini adalah memastikan pemeriksaan yang dibuat lebih TELUS dan CEPAT.

a) SOP ini juga bertujuan untuk :


1. Meningkatkan integriti penjawat awam.
2. Memastikan kakitangan menjaga konsistensi dan meningkatkan mutu kerja dalam organisasi atau unit kerja.
3. Memastikan setiap kakitangan mengetahui dengan jelas peranan dan fungsi setiap posisi di dalam organisasi.
4. Memastikan peranan dan tugas dengan lebih jelas serta tanggungjawab.
5. Melindungi organisasi kerja dan kakitangan dari melakukan kesalahan.
6. Untuk menghindari kegagalan / kesalahan, keraguan, duplikasi dalam melaksanakan tugas.

b) SOP Pemeriksaan Bersepadu Bagi Permohonan Lesen Kritisik Dan Berisiko.


c) Ianya juga, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri melalui perancangan lima tahun pihak berkuasa tempatan untuk menyeragamkan SOP penguatkuasaan, permit dan lesen.

d) Kaedah pelaksanaan pemeriksaan bersepadu ini dibuat dengan menyediakan perancangan awal jadual pemeriksaan ke lokasi, dibuat sebulan sebelum pemeriksaan dan pemberitahuan akan dibuat kepada agensi yang berkaitan dan juga jabatan teknikal dalaman. Setiap ulasan hasil daripada pemeriksaan yang dibuat akan ditulis ke dalam buku yang telah dikhaskan. Ini bertujuan untuk mendapatkan ulasan secara serta-merta semasa pemeriksaan bersepadu dijalankan.

e) Kesan pelaksanaan penambahbaikan SOP ini telah dibuat terhadap pemeriksaan secara bersepadu. Jelas menunjukkan hasil yang positif di mana kelulusan adalah lebih cepat dan telus. Berikut adalah laporan hasil pencapaian yang telah dilaksanakan melalui pemeriksaan secara bersepadu:



Carta Pemeriksaan Premis Secara Bersepadu Bagi Lesen Berisiko



Pemeriksaan Premis Secara Bersepadu Bagi Lesen Berisiko, Januari hingga **November 2014**

Permohonan yang diterima daripada bulan Januari hingga November 2014 adalah sebanyak 138 bagi permohonan baru, 70 permohonan pembaharuan lesen dan 25 bagi permohonan tambahan aktiviti dalam lesen iaitu bagi lesen Pusat Hiburan, Lesen Pusat Siber atau Kafe Siber dan Pusat Kesihatan. Jumlah pemeriksaan premis secara bersepadu yang telah dijalankan adalah sebanyak 244 ke atas premis lesen berisiko.

Pemeriksaan premis secara bersepadu ini memerlukan ulasan daripada Jabatan Teknikal luar seperti Polis, Bomba dan SPRM manakala Jabatan Teknikal dalam terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Perancangan Pembayaran, Jabatan Kawalan Bangunan serta Jabatan Pelesenan (Urusetia).



2. Penggunaan “QR Code”

Jabatan Pelesenan juga telah membuat penambahbaikan terhadap stiker premis, lesen dan kad pekerja yang mana mulai tahun 2014 pelekat premis dan penjaja akan mempunyai QR Code.


- Tujuannya adalah untuk memudahkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan. Secara tidak langsung orang awam mempunyai hubungan dua hala dengan pihak majlis (Self regulatory) di mana mereka juga boleh membuat semakan sendiri melalui pelekat premis, lesen perniagaan dan kad pekerja yang mempunyai QR Code. Ini untuk memastikan sama ada aktiviti yang dijalankan di premis adalah sama dengan kelulusan lesen atau sebaliknya.

b) Antara fungsi lain QR kod ini pada pelekat premis dan pelekat penjaja ialah:

1. Orang awam boleh memastikan maklumat yang terkandung di dalam lesen adalah sama seperti yang dipohon.
2. Memberi maklumat, memudahkan kakitangan serta orang awam untuk membuat semakan dan pemantauan.
3. Merealisasikan visi Majlis menjadikan “A Liveable & Sustainable Petaling Jaya” yang mana beberapa indikator diselaraskan iaitu:
 - i. Meningkatkan penyertaan orang awam.
 - ii. Penggunaan serta penguatkuasaan dasar dan undang-undang secara efektif.
 - iii. Pengurusan yang bertanggungjawab secara telus dan boleh diakses.




c) Kaedah Pelaksanaan



1. Pelekat premis, lesen perniagaan dan kad pekerja yang dikeluarkan mempunyai ciri-ciri keselamatan dan mengandungi “Quick Response Code” QR Code.
2. Setiap pelekat, lesen perniagaan dan kad pekerja akan terdapatnya QR Code yang mana pengguna boleh mengakses maklumat apabila membuat imbasan menggunakan telefon pintar.
3. Maklumat yang akan dipamerkan apabila membuat imbasan QR Code bagi premis adalah seperti no. akaun lesen, nama syarikat, jenis iklan, aktiviti lesen dan tempoh lesen.
4. Manakala QR Code bagi pelekat penjaja mengandungi maklumat pemegang lesen seperti nombor akaun, jenis jualan, nama pekerja, jenis jualan, lokasi dan tempoh sah lesen.

d) Maklumat yang akan dipaparkan apabila QR Code diimbas menggunakan telefon pintar.




Secara keseluruhannya, inovasi yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pelesenan pada tahun 2014 telah banyak memberi manfaat kepada semua pihak. Permohonan dapat dipercepat dan dipermudah dengan syarat mematuhi segala garis panduan yang telah ditetapkan.

Kenyaataan ini turut disokong di dalam penulisan buku yang bertajuk Service Delivery By Local Authorities: Issues And Challenges sub topic “Making The Local Government Effective And Efficient In Service Deliveries”

COMMUNITY OWNED GOVERNMENT/LOCAL CITIZEN ENGAGEMENT AND PARTICIPANT yang mana berbunyi:-

“Local citizen engagement and participant over the delivery of public services ensure reflectiveness of people’s need and preference. Greater engagement among local community in the service deliveries helps to enhance people’s sense of pride and involvement. Both of these preferences and sense of pride and involvement help to make the delivery of public services at local level more responsive and effective. It may also increase people’s understanding, influence and choices over services deliveries and provisions.”


Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam




Pengurusan Sisa Di Petaling Jaya

Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam merupakan fungsi asas pihak berkuasa tempatan. Pada peringkat awal, sisa pepejal di Petaling Jaya diuruskan oleh Unit Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekutaran sejak 1 Julai 1998 susulan daripada penswastaan pengurusan sisa pepejal secara interim oleh Alam Flora Sdn. Bhd. Bermula pada 1 Ogos 2011, Unit Kawal Selia telah ditukar nama kepada Bahagian Perkhidmatan Bandar, Jabatan Kesihatan Persekutaran sebagai kesinambungan daripada proses pengambilalihan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan setiap PBT di Selangor untuk menubuhkan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam secara pentadbiran sebelum 1 Oktober 2014 bagi mengendalikan urusan berkenaan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan masing-masing. Selaras dengan arahan Kerajaan Negeri, Bahagian Perkhidmatan Bandar telah dikeluarkan daripada Jabatan Kesihatan Persekutaran dan dinaik taraf sebagai sebuah jabatan dan pada Oktober 2014, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) MBPJ telah ditubuhkan.



Carta Organisasi



Visi	<ul style="list-style-type: none"> Menyumbang kepada arah PJ Sustainable 2030
Misi	<ul style="list-style-type: none"> Agensi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan yang efisien, berkualiti, mesra dan berintegrasi
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan yang efisien, berkualiti, mesra dan berintegrasi. Mengawalselia sektor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan secara teratur dan menyeluruh. Mengeratkan perhubungan dan komunikasi antara semua pihak berkepentingan dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan.
Fungsi	<ul style="list-style-type: none"> Untuk merangkakan dasar, strategi, piawaian dan program pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan. Untuk menyediakan dan mengawal selia servis pengutipan sampah, pembersihan dan penyelenggaraan kawasan. Untuk menggalakkan penyertaan awam dan membina kapasiti awam berkenaan konsep 3R. Untuk mengenal pasti dan menggunakan teknologi hijau dan aplikasi bersesuaian dalam meningkatkan kualiti dan servis pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan. Untuk melaksana dan menguatkuasakan undang-undang kecil dan peraturan berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan.
Piagam Pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan kontrak perkhidmatan pengutipan sampah, pembersihan kawasan dan penyelenggaraan pokok sahlaku setiap masa. Memastikan pengutipan sampah dijalankan mengikut spesifikasi, jadual kerja dan servis kualiti yang ditetapkan. Memastikan pembersihan kawasan termasuk sapuan jalan, pencucian longkang, pemotongan rumput dan penyelenggaraan pokok dijalankan mengikut spesifikasi dan jadual kerja yang ditetapkan. Memastikan aduan yang diterima diperakui, diambil tindakan dan dimaklumkan dalam tempoh 1 hari bekerja. Memastikan permohonan untuk kemudahan logistik dan khidmat nasihat berkenaan pembersihan kawasan diberikan maklumbalas dalam tempoh 1 hari bekerja. Memastikan persediaan pembayaran kepada pembekal servis dengan dokumen lengkap disempurnakan untuk dikemukakan kepada Jabatan Perbendaharaan dalam tempoh 7 hari.

Kewangaan

Pada tahun 2014, jumlah bayaran yang telah diproses oleh Jabatan bagi kerja-kerja kutipan sampah, pembersihan awam, *tipping fee* dan kerja-kerja *back-up* adalah berjumlah RM54,842,757.55.

PECAHAN BAYARAN 2014			
Pembersihan Kawasan	Kutipan Sisa Pepejal Domestik	Tipping Fee	Back-Up
RM 21,900,795.04	RM 20,262,794.10	RM 10,166,046.28	RM 2,513,122.13

Perkhidmatan jabatan

Pada akhir tahun 2014, sebanyak 145 kontraktor pembersihan telah dilantik oleh Jabatan untuk menjalankan kerja-kerja kutipan sisa domestik dan pembersihan kawasan.


Kontraktor yang dilantik terdiri daripada kontraktor Pembersihan (AM) PW, Pembersihan (Am) GPL, Pembersihan Khas Jalan Protokol, Pembersihan Khas Longkang Besar, Kutipan Sisa Pepejal dan kontraktor *Back-Up*.

Bil.	Jenis perkhidmatan	Jumlah Kontraktor
1	Pembersihan (Am) PW	68
2	Pembersihan (Am) GPL	8
3	Pembersihan Khas Jalan Protokol	15
4	Pembersihan Khas Longkang Besar	14
5	Kutipan Sisa Pepejal	38
6	Back-Up	2
Jumlah keseluruhan		145


Aduan

Jabatan telah menerima sejumlah 6,275 aduan pada tahun 2014 yang merangkumi 4 kategori aduan yang telah ditetapkan seperti aduan berkenaan kutipan sampah domestik, aduan kutipan *waste buster* / sampah pukal, aduan pembersihan awam dan lain-lain.

Jumlah Aduan Tahun 2014




Jumlah Aduan 2014 Mengikut Kategori



Pelupusan Sisa Pepejal

Sisa pepejal yang diuruskan oleh MBPJ telah dilupuskan di 4 tapak pelupusan di Negeri Selangor. Pada tahun 2014, sebanyak 190,868.78 tan sisa pepejal telah dikutip dan dilupuskan di tapak pelupusan sanitari Jeram Kuala Selangor, Kuang, Dengkil dan stesen pemindahan Seksyen 21, Shah Alam.



Petaling Jaya Waste Summit 2014

Persidangan PJ Waste Summit 2014 merupakan acara julung kali diadakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai satu platform pencerahan dalam pengurusan sampah yang efisien di kalangan semua pihak berkepentingan di Petaling Jaya. Bertemakan *Waste to Wealth : Moving Petaling Jaya towards a Greener & Zero Waste City*, persidangan ini telah berjaya menghimpunkan 300 peserta yang terdiri daripada Ahli Majlis MBPJ, kontraktor pembersihan, persatuan penduduk, rukun tetangga, kakitangan MBPJ dan pembekal perkhidmatan pembersihan.

Para peserta telah didedahkan dengan sistem pengurusan sampah MBPJ serta bersama-sama terlibat dalam penambahbaikan sistem tersebut dan inventori kawasan sedia ada. Mereka juga turut didedahkan dengan teknologi yang boleh diguna pakai dalam pengurusan sampah yang efektif.



Gotong-Royong 2014

Selain daripada melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan kawasan, Jabatan turut terlibat dalam penyediaan peralatan pembersihan untuk program gotong-royong anjuran pelbagai pihak di Petaling Jaya. Antara program yang terlibat adalah:

Nama Program	Tarikh
Program Mesra Rakyat MBPJ	16 Mac 2014
Bazar Kraf Selangor	29 Mac 2014
Program Sambutan Hari Air Sedunia	1 April 2014
Program Hari Wanita	12 April 2014
Program Hari Tanpa Kereta Petaling Jaya	11 Mei 2014

Nama Program	Tarikh
Hari Lupus Sedunia & Walk – A Payung	18 Mei 2014
Program Mega Maulid	7 Jun 2014
Karnival Kesenian Rakyat	18 Jun 2014
Majlis Berbuka Puasa DYMM Sultan Selangor	18 Julai 2014
<i>MBPJ Inline Hockey Tournament</i>	30 Ogos 2014
Kejohanan EP Boat Merdeka Fun Race	6 September 2014
Pesta Tanglung Negeri Selangor	13 September 2014
Larian Oren The Curves	7 September 2014
<i>Relay For Life Malaysia</i>	20 September 2014
<i>PJ Fun Ride</i>	19 Oktober 2014
Karnival Bola Sepak Komuniti	18 Oktober 2014
Sambutan Hari Deepavali	7 November 2014
Program Medical Camp	22 November 2014
Karnival Bola Sepak	6 Disember 2014
<i>International Conference On Accessible Tourism (KAT)</i>	4 - 7 Disember 2014

Unit Perundangan



Unit Perundangan, MBPJ berperanan untuk menjaga kepentingan Majlis dari segi perundangan dengan menyediakan khidmat nasihat serta menyediakan peruntukan undang-undang yang mencukupi. Unit Perundangan dibahagikan kepada enam subunit iaitu Unit Sibil, Unit Pendakwaan, Unit Kontrak, Unit Nasihat, Unit Pentadbiran dan Unit Gubalan.

Unit Sibil

Unit ini mengendalikan segala kes-kes yang difailkan oleh / terhadap Majlis iaitu:

- 1.Kes-kes litigasi
- 2.Kes dari Lembaga Rayuan Negeri Selangor

Litigasi


Unit ini mengendalikan segala tuntutan yang diterima dari pihak luar dan tuntutan dari Majlis sendiri terhadap pihak luar. Ia dikategorikan di bawah kes-kes litigasi. Kes-kes litigasi termasuklah kes tuntutan ganti rugi, tunggakan cukai taksiran, pecah syarat kontrak, tunggakan sewa dan lain-lain. Kes-kes litigasi majoritinya diwakili oleh peguam yang dilantik oleh Majlis. Peguam-peguam yang mengendalikan kes-kes tersebut juga perlu menjaga imej dan kepentingan Majlis.

Kes-kes ini akan melalui peringkat Mahkamah iaitu Mahkamah Sesyen, Tinggi, Rayuan dan Persekutuan. Ini bergantung kepada betapa seriusnya sesuatu kes tersebut. Setakat 2014, unit ini menerima sejumlah 559 kes tuntutan dan MBPJ telah berjaya hampir 90% dalam penyelesaiannya.

Lembaga Rayuan

Kes-kes Lembaga Rayuan adalah merupakan kes-kes yang difailkan terhadap Majlis oleh pihak yang tidak berpuas hati terhadap penolakan kebenaran merancang oleh pihak Majlis. Kes-kes di peringkat Lembaga Rayuan akan dikendalikan oleh Pegawai Undang-undang / Penolong Pegawai Undang-undang sendiri.

Unit ini akan membuat persediaan dokumen-dokumen yang diperolehi dari Jabatan-jabatan berkaitan di Majlis dan akan membentangkannya pada hari sebutan ataupun bicara kes.



Suatu Perintah akan dikeluarkan bagi kes-kes yang selesai di peringkat Lembaga Rayuan. Statistik bagi kes Lembaga Rayuan sehingga tahun 2014 adalah sebanyak 65 kes. Statistik status kes adalah seperti berikut:

Bil.	Status	Jumlah Kes
1.	Selesai	61
2.	Belum Selesai	4

Unit Pendakwaan

Unit Pendakwaan adalah unit yang akan menguruskan segala kes-kes pendakwaan di bawah Akta, Enakmen, Perintah, Kaedah dan Undang undang Kecil yang digunakan oleh Majlis. Ini adalah bagi kes-kes pengaduan yang diterima dari Jabatan-jabatan lain di Majlis seperti kes-kes lalu lintas, binaan haram, makanan yang tercemar dan lain-lain. Bagi kes-kes yang melibatkan kesalahan lalu lintas dan di peringkat sebutan, ia adalah didaftar dan dikendalikan oleh Jabatan Penguatkuasaan Majlis sendiri.

Pegawai Pendakwa (Pengarah Undang-undang / Pegawai Undang-undang / Penolong Pegawai Undang-undang) akan meneliti pengaduan-pengaduan yang diterima dan akan menaikkan ke Mahkamah setelah mendapat keizinan dari Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor. Pegawai Pendakwa ini akan mewakili Majlis dalam kes-kes Mahkamah.

Kes-kes yang telah didaftarkan ke Mahkamah akan melalui proses sebutan dan perbicaraan (jika Orang Kena Saman tidak mengaku bersalah) sehingga kes-kes tersebut selesai.

Kes-kes pendakwaan yang dikendalikan oleh Unit Perundangan bagi tahun 2014 sahaja adalah sebanyak 26 kes.

Bil.	Kes dan jenis kesalahan	Jumlah Kes	Status Kes
1.	Seksyen 74 Akta Kerajaan Tempatan 1976	13 kes	Keputusan Mahkamah: 1 kes - A & D 6 kes - Denda 3 kes - DNAA Pemulangan semula ke Jabatan: 3 kes - Selesai di peringkat Jabatan itu sendiri.
2.	Seksyen 81 (b) Akta Kerajaan Tempatan 1976	1 kes	Keputusan Mahkamah: 1 kes - C & D
3.	Seksyen 13B (2) Akta Makanan 1983	1 kes	Keputusan Mahkamah: 1 kes - Denda

4.	Seksyen 39 (4) Akta Makanan 1983	1 kes	Keputusan Mahkamah: 1 kes - Denda
5.	Seksyen 39 (3) Akta Makanan 1983	1 kes	Keputusan Mahkamah: 1 kes - DNAA
6.	Seksyen 70 (13) (b) Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974	1 kes	Keputusan Mahkamah: 8 kes - Denda 1 kes - DNAA

Unit Kontrak

Fungsi utama unit adalah membantu Majlis dalam penyediaan Perjanjian yang melibatkan Majlis dengan pihak lain. Perjanjian ini terbahagi kepada dua iaitu Perjanjian Penswastaan Perkhidmatan dan Perjanjian Penswastaan Pembangunan.

Unit ini akan menyemak segala dokumentasi dan akan menyediakan Perjanjian mengikut keperluan Majlis dan sentiasa akan memastikan kesemua kepentingan Majlis dilindungi.

Perjanjian Penswastaan Perkhidmatan

Penswastaan Perkhidmatan yang dimaksudkan termasuklah penyewaan, pembekalan alat tulis Majlis, kawalan keselamatan, penyelenggaraan dewan, pembersihan kawasan, pembelian harta, kutipan tempat letak kereta dan lain-lain yang berkaitan dengan Majlis.

Bahagian ini juga akan membuat semakan terhadap Perjanjian yang telah disediakan oleh Jabatan-jabatan berkaitan dengan menggunakan Borang JKR. Semakan yang dibuat adalah untuk memastikan kepentingan Majlis terpelihara serta memenuhi dasar dan polisi kewangan Majlis.

Bagi tahun 2014, Bahagian ini menerima 306 dokumentasi dari Jabatan-jabatan lain di Majlis untuk proses penyediaan Perjanjian:

Bil.	Jabatan	Jumlah Terimaan
1.	Khidmat Pengurusan	65
2.	Penguatkuasaan	6
3.	Pembangunan Kemasyarakatan	6
4.	Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran	209
5.	Kejuruteraan	19
6.	Perbendaharaan	1

Bahagian ini juga menerima sejumlah 249 dokumentasi Perjanjian yang menggunakan Borang JKR untuk semakan dari Jabatan-jabatan lain di Majlis iaitu:

Bil.	Jabatan	Jumlah Terimaan
1.	Penilaian & Pengurusan Harta	100
2.	Kejuruteraan	100
3.	Teknologi	1
4.	Landskap	33
5.	Lain-lain	15

Perjanjian Penswastaan Pembangunan

Bahagian ini menguruskan segala Perjanjian bagi projek-projek penswastaan usaha sama antara Majlis dengan pihak pemaju. Bahagian ini berperanan untuk menyediakan Perjanjian Pembangunan (*Development Agreement*), menyemak Perjanjian Jualbeli, menguruskan permohonan *consent* oleh tuan tanah dan seterusnya menguruskan proses pindah milik hartaan bagi projek-projek yang telah dikeluarkan hak milik individu.

Perjanjian yang memerlukan tandatangan Majlis, mestilah lengkap dari segi dokumentasi dan setelah sempurna sesalinan perlu disimpan untuk rujukan Majlis.

Setakat 2014, 7 pemaju telahpun menandatangani perjanjian penswastaan bersama Majlis. Jumlah perjanjian yang diterima bagi tahun 2014 sejumlah 291 set Perjanjian.

Unit Nasihat

Unit ini merupakan satu unit yang amat penting kerana fungsi utamanya adalah memberikan khidmat nasihat dan pandangan dari segi perundangan supaya imej dan kepentingan Majlis sentiasa dalam keadaan yang baik dan terjaga.

Bagi menjamin segala nasihat dan pandangan adalah amat bernalas, Unit ini akan memastikan bahawa nasihat dan pandangan yang diberikan adalah mengikut peruntukan undang-undang dan mengikut keperluan dan kehendak Majlis. Unit ini perlu meneliti persoalan-persoalan yang dihadapi oleh Majlis dengan mengkaji dan menyemak isu-isu yang berkaitan terlebih dahulu.

Nasihat dan pandangan yang diberikan mestilah merangkumi semua aspek perundangan dan termasuklah yang mempunyai hubungan dengan Kerajaan Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Unit Pentadbiran

Fungsi utama unit ini adalah menguruskan hal ehwal pentadbiran yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti surat-menyerat am, belanjawan jabatan dan bahan rujukan perundangan. Unit ini juga menjaga segala keperluan yang melibatkan Pegawai / kakitangan jabatan seperti urusan cuti, urusan menghadiri kursus / bengkel, urusan kerja lebih masa dan sebagainya.

Unit Gubalan

Unit ini berperanan untuk menggubal dan meminda undang-undang kecil Majlis selaras dengan keperluan semasa.

Semua undang-undang kecil yang hendak digubal atau dipinda perlu diluluskan di peringkat Majlis terlebih dahulu sebelum ia diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Sehingga tahun 2014 sebanyak 35 undang-undang kecil yang berkuatkuasa dan diguna pakai oleh Majlis di samping beberapa undang-undang kecil sedang digubal dan dipinda seragam di Negeri Selangor iaitu seperti berikut:

Bil.	Nama
1.	Undang-undang Kecil Krematorium (MBPJ)
2.	Undang-undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian (MBPJ)
3.	Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBPJ)
4.	Undang-undang Kecil Perpustakaan Awam (MBPJ)
5.	Undang-undang Kecil Penjaja (MBPJ)
6.	Undang-undang Kecil Establisemen Makanan (MBPJ)
7.	Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Peindustrian (MBPJ)
8.	Kaedah Pegawai (Kelakuan Tatatertib) (MBPJ)
9.	Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (MBPJ)

Unit Perhubungan Awam





Unit Perhubungan Awam terdiri daripada:

- Seksyen Protokol dan Pengurusan Acara
- Seksyen Media dan Perhubungan Komuniti
- Seksyen Fotografi dan Audio Visual
- Seksyen Penerbitan
- Seksyen Aduan

Fungsi

- Merancang, mengawal, menyelaras dan menilai semula usaha dan kegiatan penerangan mengenai dasar, tindakan dan aktiviti ke arah masyarakat berinformasi serta mendaya usahakan strategi dan program-program yang boleh memberi sokongan masyarakat dan agensi berkaitan terhadap wawasan dan usaha Majlis serta menyelaras perkara-perkara berkaitan dengan kempen bantuan media.
- Menjalin dan memupuk perhubungan baik antara Majlis dan pertubuhan / institusi lain serta Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan lain-lain.
- Melaksanakan komunikasi bersemuka media cetak dan komunikasi visual untuk memberi penerangan kepada masyarakat mengenai dasar dan program Majlis serta meningkatkan imej Majlis.
- Mengurus dan menyelaras kunjungan lawatan ke Majlis sama ada dari dalam atau luar negara.
- Menyelaras pelaksanaan acara rasmi khususnya dari segi protokol dan publisiti program.
- Mengurus tinjauan pendapat awam sebagai maklum balas kepada perkhidmatan Majlis.
- Menguruskan bahan penerbitan seperti buletin MBPJ, risalah, flyers, poster dan lain-lain.
- Mendokumentasikan aktiviti Majlis melalui dokumentari, fotografi dan videografi.
- Menerima aduan, menyiasat aduan dan memasukkan data aduan daripada Orang Awam / Agensi Kerajaan / Persatuan Penduduk dan Badan Bukan Kerajaan ke dalam Sistem Aduan Majlis untuk dipanjangkan ke jabatan yang telah dipertanggungjawabkan.
- Menjadi urusetia kepada program Hari Bertemu Pelanggan.
- Menjadi urusetia Mesyuarat Pemantauan Aduan Awam setiap minggu.
- Menjadi urusetia aduan melalui e-mel Majlis dan memanjangkan aduan ke jabatan / bahagian tertentu.
- Menyelaras kes-kes aduan kecemasan seperti kerosakan lampu isyarat, pokok tumbang (ribut) dan jalan berlubang di kawasan Majlis untuk dimaklumkan kepada jabatan / agensi lain.

Seksyen Protokol Dan Pengurusan Acara

Unit Protokol dan Pengurusan Acara memainkan peranan memastikan setiap acara atau program anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau kerajaan negeri Selangor berjalan dengan lancar dari segi protokol dan mengikut standard yang telah ditetapkan.

Unit ini yang bertanggungjawab menguruskan lawatan dalam dan luar negara yang berkunjung ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk mempelajari amalan perkhidmatan terbaik sebagai satu kaedah perkongsian pintar untuk meningkat mutu perkhidmatan masing-masing.

Kunjungan Lawatan Dalam Negeri / Luar Negeri Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh	Tujuan Lawatan
1.	Pelawat dari Dewan Bandaraya Kuching Utara	10/1/2014	Mengetahui mengenai cara-cara pengurusan aduan orang ramai di Petaling Jaya
2.	Pelawat dari Myanmar	22/1/2014	Untuk mengetahui <i>Urban Planning Divison, Yangon City Development Committee</i>
3.	Lawatan dari Perancis	28/3/2014	Perbincangan pertukaran ilmu <i>Architecture & Urban Planning The French Touch</i>
4.	Lawatan Monash University	9/4/2014	Mengetahui mengenai cara-cara pengurusan kewartawanan
5.	Lawatan MBJ - Pustaka Sarawak	10/4/2014	Mengetahui mengenai pengurusan Majlis
6.	Lawatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang	5/6/2014	Mengetahui mengenai cara-cara pengurusan Penguatkuasaan
7.	Lawatan dari Kedutaan Indonesia	12/6/2014	Mengetahui mengenai pengurusan Majlis
8.	Lawatan Majlis Perbandaran Kajang	16/7/2014	Mengetahui mengenai Local Agenda
9.	Lawatan dari Majlis Perbandaran Manjung	26/8/2014	Mengetahui mengenai pengurusan penguatkuasaan di kawasan Petaling Jaya
10.	Lawatan dari Sri Lanka	27/8/2014	Mengetahui mengenai sistem pengurusan sampah dan kitar semula di kawasan Petaling Jaya

Kunjungan Lawatan Dalam Negeri / Luar Negeri Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh	Tujuan Lawatan
11.	Lawatan Audit dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	15/9/2014	Pengauditan Anugerah Tandas Bersih 1 Malaysia Peringkat Kebangsaan 2014
12.	Kunjungan Hormat dan Lawatan Sua Mesra Syabas ke MBPJ	2/10/2014	Untuk mengetahui pengurusan dan penyelenggaraan air di MBPJ
13.	Lawatan Majlis Daerah Mersing, Johor	13/10/2014	Untuk mengetahui pengurusan sistem penguatkuasaan di MBPJ

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Sidang Media Pembangunan Sosial dan Kemudahan Masyarakat di SS2	22/1/2014
2.	Penyampaian Anugerah Zon Bersih 2013	24/1/2014
3.	Sambutan Maulidur Rasul Peringkat MBPJ	24/1/2014
4.	Pertandingan Gema Suara Seni 2014	25/1/2014
5.	Turun Padang Bersama Jabatan Kesihatan Persekitaran	27/1/2014
6.	Turun Padang Ke Pusat Penjaja Seksyen 14 dan Pasar Malam SS3 Bersama Jabatan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Pengawal Persekitaran dan Keselamatan dan Jabatan Kejuruteraan	28/1/2014
7.	Turun Padang Bersama Jabatan Kesihatan Persekitaran	29/1/2014
8.	Kempen Kesedaran Komuniti Sejagat "Pray For Syria and Palestine" UpTown, Kota Damansara	8/2/2014

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
9.	Program Komuniti Sejahtera Desa Mentari	9/2/2014
10.	Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2014	9/2/2014
11.	<i>Energy and Water Management Training</i> di Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	12/2/2014
12.	Program Kau Adalah Sumber Inspirasi Hatiku (KASIH) di Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya	16/2/2014
13.	Majlis Program Kerohanian Remaja Kasih	16/2/2014
14.	Lawatan Kerja Bersama Wakil Media Ke Jalan Medan 32, Petaling Jaya	18/2/2014
15.	Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis 2014-2015	19/2/2014
16.	Mesyuarat Penuh Bil. 1/2014	26/2/2014
17.	Gotong-Royong Basmi Denggi Bandar Sri Damansara	8/3/2014
18.	Sambutan Hari Wanita “Wanita Cekal, Berani Menghadapi Cabaran”	9/3/2014
19.	Program <i>PJ Safe - Safety For All</i> Keselamatan Wanita Teras Masyarakat Sejahtera Dan Hari Tanpa Kereta 2014	15/3/2014
20.	Majlis Penyampaian Topeng Muka 3M	17/3/2014
21.	Perasmian <i>Supermom Bakery</i>	18/3/2014
22.	Majlis Penyampaian Pertandingan Pengumpulan Kitar Semula Minyak Masak Terpakai 2013 dan Majlis Pelancaran Kempen Kitar Semula Sisa Minyak Masak Terpakai Kepada Biodiesel 2014	19/3/2014

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
23.	Majlis Pelancaran <i>Electric Vehicle Charging Station</i>	21/3/2014
24.	Perjumpaan Bersama ADUN Petaling Jaya	21/3/2014
25.	Majlis Pelancaran Skim Rebat Cukai Taksiran Bagi Rumah Kediaman Mesra Alam Hijau Petaling Jaya 2014	25/3/2014
26.	Majlis Taklimat Pelaksanaan Pindaan Syarat Nyata Tanah Bagi Aktiviti Perniagaan Yang Dibenarkan Dijalankan di Bangunan Kediaman Peringkat MBPJ	25/3/2014
27.	Mesyuarat Penuh Bil. 2/2014	26/3/2014
28.	Taklimat Kepada Kontraktor Pembersihan di Petaling Jaya	27 - 28/3/2014
29.	Program Seksyen 52, Bandar Sihat, Selamat dan Berbudaya <i>PJ Safe - Safety for All</i> Keselamatan Wanita Teras Masyarakat Sejahtera	29/3/2014
30.	Bazar Kraf Selangor	29/3/2014
31.	Jualan Borang Bazar Ramadan 2014	3/4/2014
32.	Majlis Sambutan Hari Air Sedunia 2014 Peringkat Negeri Selangor	5/4/2014
33.	Program Belia Sihat, Ceria	12/4/2014
34.	Pertandingan Bercerita	12/4/2014
35.	Fokus Aliran Pelajar SPM	19/4/2014
36.	Pertandingan Pidato	19/4/2014

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
37.	Hari Inovasi, Sains dan Teknologi Negeri Selangor	19 – 20/4/2014
38.	Majlis Pelancaran Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya	20/4/2014
39.	Majlis Pelancaran “Go Go Green 2014”	20/4/2014
40.	Sidang Media Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya	20/4/2014
41.	Program Jom Cantik	20/4/2014
42.	Majlis Sukaneka Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak MBPJ Kali ke-17	26/4/2014
43.	Seminar Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)	27/4/2014
44.	Mesyuarat Penuh Bil. 3/2014	30/4/2014
45.	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Perkhidmatan Bas Percuma Petaling Jaya antara MBPJ dan Rapid Bus Sdn. Bhd.	30/4/2014
46.	Kempen Hapus Tikus dan Nyamuk Aedes Peringkat MBPJ	10/5/2014
47.	Program Hari Tanpa Kenderaan di Petaling Jaya (PJ Car Free Day)	11/5/2014
48.	Majlis Penyerahan Bendera SUKMA Selangor 2014	12/5/2014
49.	Majlis Praperasmian Bas Percuma di Petaling Jaya	14/5/2014
50.	Pertandingan Pantun Peringkat Petaling Jaya	17/5/2014

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
51.	Majlis Program Mesra Rakyat DUN Taman Medan	18/5/2014
52	Program Gotong-Royong Pusat Bandar Seksyen 14 Bersama Kumpulan CIMB, MBPJ dan Penduduk Seksyen 14, Petaling Jaya	25/5/2014
53.	Majlis Penutup Kejohanan Goalball Terbuka Kebangsaan Piala Datuk Bandar MBPJ	25/5/2014
54.	Perasmian Jaya Shopping Centre	26/5/2014
55.	Prapelancaran <i>Petaling Jaya International Fair 2014 - Folklore Festival</i>	29/5/2014
56.	Mesyuarat Penuh Bil. 4/2014	29/5/2014
57.	Penutup Kejohanan Futsal Terbuka MKLand / MBPJ	31/5/2014
58.	Lawatan Bersama Media Tinjau Perkhidmatan Bas Percuma	3/6/2014
59.	Taklimat Lebuh Raya KIDEX	6/6/2014
60.	Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang Tahun 2013 dan Meraikan Pesara MBPJ Tahun 2014	13/6/2014
61.	Kejohanan Catur Terbuka Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya Kali Ke-4	14-15/6/2014
62.	Majlis Penutup Karnival Paralimplik MBPJ-MPM Edisi ke-4 Petaling Jaya Terbuka 2014	15/6/2014
63.	Liputan Pocket Show <i>Petaling Jaya International Fair 2014 - Folklore Festival</i>	7-19/6/2014

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
64.	Majlis Perasmian <i>Petaling Jaya International Fair 2014 - Folklore Festival</i>	20/6/2014
65.	Majlis Malam Gala <i>Petaling Jaya International Fair 2014 - Folklore Festival</i>	21/6/2014
66.	Majlis Penutup <i>Petaling Jaya International Fair 2014 - Folklore Festival</i>	22/6/2014
67.	Majlis <i>Farewell Dinner Petaling Jaya International Folklore Festival 2014</i>	23/6/2014
68.	Mesyuarat Penuh Bil. 5/2014	27/6/2014
69.	Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan Sukan, Buah Kurma dan Tautan Kasih Warga Emas Petaling Jaya	27/6/2014
70.	Ceramah Motivasi Bersama Dato' Dr. Fadzilah Kamsah	02/07/2014
71.	Ceramah "Syoknya Raya" Bersama Ustaz Kazim Elias	04/07/2014
72.	Lawatan Datuk Bandar ke Bazar Ramadan Jalan Teknologi 3/6A, Kota Damansara	07/07/2014
73.	Sidang Media Kajian Pengangkutan di Petaling Jaya	08/07/2014
74.	Lawatan Datuk Bandar ke Bazar Ramadan SS6/1, Kelana Jaya	11/07/2014
75.	Ceramah Ramadan Bersama Ustaz Akil Hayy	11/07/2014
76.	Penyampaian Buah Kurma Kepada Kakitangan MBPJ Oleh ADUN Bukit Gasing, YB. Rajiv a/l Rishyakaran	14/07/2014
77.	Majlis Penyampaian Sumbangan dan Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim Majlis Bandaraya Petaling Jaya	15/7/2014

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
78.	Majlis Kasih Ramadan MBPJ-Tesco	21/7/2014
79.	Majlis Penyampaian Kain Batik, Pelikat dan Kuih Raya oleh Datuk Bandar Petaling Jaya	23/7/2014
80.	Majlis Penyampaian Ole-ole Berbuka CIMB / Kelab Sukan dan Kebudayaan MBPJ	24/07/2014
81.	Mesyuarat Penuh Bil. 6/2014	27/7/2014
82.	Seminar <i>Smart Collection and Management of Food Waste: Technology, Application, Best Practices and Policies for Development Projects</i>	7/8/2014
83.	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2014	8/8/2014
84.	Perasmian CIMB Seksyen 14	13/8/2014
85.	Sidang Media <i>6th MBPJ Inline Hockey Tournament</i>	19/8/2014
86.	Sidang Media Skuad Memusnahkan Denggi	23/8/2014
87.	Kejohanan Bola Jaring Terbuka Piala Datuk Bandar MBPJ 2014	23 - 24/8/2014
88.	Majlis Penutup Kejohanan Bola Jaring Terbuka Piala Datuk Bandar MBPJ	24/8/2014
89.	Taklimat Pembinaan Lebuh Raya Kinrara – Damansara Expressway (KIDEX)	27/8/2014
90.	Mesyuarat Penuh Bil. 7/2014	29/8/2014
91.	Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat MBPJ	29/8/2014

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
92.	Sidang Media dan Lawatan Tapak Rumah Terbiar dan Kotor	29/8/2014
93.	<i>6th MBPJ Inline Hockey Tournament</i>	30-31/8/2014
94.	Dialog Bersama Penduduk Damansara Jaya Residents Owner Association (DJROA)	2/9/2014
95.	Operasi Turun Iklan Haram PJS8	4/9/2014
96.	Majlis Perasmian Kejohanan <i>PJ RC EP Boat Merdeka Race 2014</i>	6/9/2014
97.	Majlis Penutup Kejohanan <i>PJ RC EP Boat Merdeka Race 2014</i>	7/9/2014
98.	Lawatan Tapak dan Sidang Media Pelaksanaan Sistem Jalan Sehala Petaling Jaya	10/9/2014
99.	Majlis Sambutan Pesta Tanglung Peringkat Negeri Selangor	13/9/2014
100.	Program Anti Denggi <i>Search and Destroy SS3</i>	13/9/2014
101.	Gotong-Royong Cegah Denggi Flora Damansara	14/9/2014
102.	Program Walkathon Belia PeBT MBPJ	21/9/2014
103.	Pembentangan Bajet 2015 Kepada Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan NGO	23/9/2014
104.	Sidang Media Penambahbaikan Pengurusan Aduan Awam MBPJ	25/9/2014
105.	Program Pesta Renang IX MBPJ 2014	27/9/2014

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
106.	Mesyuarat Penuh Bil. 8/2014	30/9/2014
107.	Mesyuarat Khas Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2015	3/10/2014
108.	Majlis Perasmian Projek Demonstrasi SPAH MBPJ	3/10/2014
109.	Sidang Media Kejohanan Skuasy Terbuka Petaling Jaya	8/10/2014
110.	Sidang Media Projek <i>Wall Painting</i>	10/10/2014
111.	Sidang Media Program <i>Blind Leading The Blind</i>	10/10/2014
112.	Seminar Skor A Sijil Pelajaran Malaysia	11/10/2014
113.	Bengkel Kajian Pengangkutan Petaling Jaya	14/10/2014
114.	Kejohanan Skuasy Terbuka Petaling Jaya	18/10/2014
115.	Kejohanan Sepak Takraw Piala Datuk Bandar Petaling Jaya	18 - 19/10/2014
116.	Majlis Pelancaran dan Bengkel Pengenalan <i>Low Carbon Green Cities</i> Malaysia Antara MBPJ dan Carbon Trust of UK	19/10/2014
117.	Program Gaya Hidup Lestari, Kehidupan Hijau	19/10/2014
118.	Karnival <i>My Innovation</i>	21/10/2014
119.	Bengkel Pengenalan dan Majlis Pelancaran <i>Low Carbon Cities</i> Malaysia MBPJ Bersama Carbon Trust of UK	28/10/2014

Program Tahun 2014


Bil.	Perkara	Tarikh
120.	Majlis Perakuan Penerimaan Jawatan Ahli Majlis Baru	30/10/2014
121.	Mesyuarat Penuh Bil. 9/2014	30/10/2014
122.	Majlis Perhimpunan Pagi Penjawat Awam Daerah Petaling Bersama Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor Sempena Program Turun Padang ke Daerah Petaling	31/10/2014
123.	Majlis Ramah Mesra YB Tuan Amirudin Shari bersama Belia PeBT dan Majlis Penyampaian Insentif Perkahwinan Belia kawasan Petaling Jaya	31/10/2014
124.	Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Penguatkuasa	5/11/2014
125.	Majlis Sambutan Hari Deepavali	7/11/2014
126.	Program Gotong-Royong Terjah dan Musnah Aedes Peringkat Petaling Jaya	9/11/2014
127.	Majlis Perakuan Menerima Jawatan Ahli Majlis	11/11/2014
128.	Sidang Medai PJ Half Marathon	12/11/2014
129.	Majlis Graduasi Ke-17 Pusat Perkembangan Minda Kanak-kanak MBPJ	15/11/2014
130.	Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mereka Cipta Arca Dari Barang Kitar Semula dan Pertandingan Pengumpulan Kitar Semula Sisa Minyak Terpakai 2014	15/11/2014
131.	<i>Peer Assessment</i>	15/11/2014
132.	Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Setia 2014	18/11/2014
133.	Majlis Penyerahan Tong Sampah Zon Bersih di SS2 Petaling Jaya	18/11/2014

Program Tahun 2014

Bil.	Perkara	Tarikh
134.	Mesyuarat Penuh Bil. 10/2014	21/11/2014
135.	Program Kembara Kraf Selangor	21 - 23/11/2014
136.	Majlis Kempen Tandas Bersih Peringkat MBPJ	2/12/2014
137.	Program <i>The 5th International Conference on Accessible Tourism</i>	4/12/2014
138.	PJ Half Marathon 2014	7/12/2014
139.	Sesi Pendengaran Penambahbaikan Projek Sistem Jalan Sehala	9/12/2014
140.	Majlis Sambutan Krimas Peringkat Negeri Selangor	13/12/2014
141.	Majlis Penutup Kejohanan PJRC Powerboat International Championship 2014	14/12/2014
142.	Majlis Apresiasi Media MBPJ 2014	17/12/2014
143.	Anugerah Bangunan Ceria 2014	19/12/2014
144.	Program Komuniti Sejahtera	21/12/2014
145.	Mesyuarat Penuh Bil. 11/2014	22/12/2014
146.	<i>Petaling Jaya Summit Waste 2014 : Moving PJ Towards A Greener And Zero Waste City</i>	23/12/2014
147.	Majlis Pelancaran Pelan Strategik PJ Sustainable 2030, Penyampaian Rebat Cukai Pemilik Rumah Mesra Alam Hijau Petaling Jaya, Penyampaian Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya 2030	31/12/2014


Seksyen Media Dan Perhubungan Komuniti

Unit Media dan Perhubungan Komuniti merupakan unit yang bertanggungjawab khusus untuk menjalankan hubungan baik antara Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan pihak media massa sama ada melalui media cetak atau media elektronik. Hubungan dengan media massa ini adalah penting sebagai medium untuk menyalurkan maklumat dan berita terkini kepada masyarakat Petaling Jaya di samping memberi maklum balas berkaitan isu-isu.




BIL.	PERKARA	BULAN												JUMLAH	
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS		
1.	Jemputan Media	3	4	7	8	11	8	8	7	10	10	10	9	95	
2.	Kenyataan Akhbar	2	2	7	3	6	3	3	3	6	6	5	2	48	
INDEKS KERATAN AKHBAR															
3.	Sinar Harian	12	10	20	10	19	22	13	14	16	35	27	18	216	
4.	Berita Harian	2	5	2	-	3	2	2	2	1	9	1	2	31	
5.	Harian Metro	1	-	6	1	9	6	4	4	6	15	9	8	69	
6.	Utusan Malaysia	14	4	9	8	12	4	1	7	8	9	1	1	78	
7.	Kosmo	3	6	5	-	2	-	-	-	2	8	3	1	30	
8.	Selangor Kini	3	8	1	4	11	10	6	5	10	10	14	3	85	
9.	Malay Mail	20	16	11	15	9	12	4	10	5	17	7	10	136	
10.	New Straits Times	4	12	8	6	12	9	7	8	7	18	14	12	117	
11.	The Star	41	45	22	23	32	32	27	33	36	34	28	32	385	
12.	The Sun	4	-	-	-	8	6	-	2	5	10	6	6	47	
13.	Sin Chew Daily	20	20	17	17	19	13	4	12	14	22	18	10	186	
14.	China Press	7	8	12	8	11	6	7	5	11	16	18	6	115	
15.	Oriental Daily New	8	9	6	4	8	15	3	8	8	14	11	7	101	
16.	Guang Ming Daily	5	3	3	5	9	5	2	5	5	7	6	4	59	
17.	Nanyang Siang Pau	8	6	16	15	16	20	4	12	15	21	17	10	160	
18.	Tamil Nesan	1	-	-	-	-	-	1	-	1	3	1	-	7	
19.	Malaysian Nanban	1	4	1	1	4	6	2	-	-	8	4	3	34	
20.	Makkai Osai	1	2	-	-	-	2	1	1	-	-	-	-	7	
21.	Borneo Post	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3	-	-	3	
22.	Daily Express	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	1	-	3	
23.	The Edge	1	1	-	-	2	2	-	3	4	-	2	-	15	
24.	New Sarawak Tribune	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
25.	Malaysia Reserve	-	-	3	-	-	-	1	1	-	-	-	-	5	
26.	Kwong Wah Yit Poh	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
27.	New Sabah Times English	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	
28.	Sin Hua Daily News	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
29.	Malaysia gazettal	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	1	
30.	The Heat	-	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	
JUMLAH BESAR		156	160	143	117	186	172	90	132	155	266	189	133	1899	

PECAHAN JUMLAH LIPUTAN AKHBAR (POSITIF, NEGATIF DAN MAKLUMAN) JANUARI HINGGA DISEMBER 2014



Jumlah Keseluruhan Liputan Akhbar Yang Mempunyai Nilai Positif, Negatif Dan Makluman Tahun 2014



Seksyen Fotografi Dan Audio Visual

Seksyen Fotografi dan Audio Visual dipertanggungjawabkan merekodkan segala aktiviti dan program anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam bentuk rakaman video atau foto.

Sepanjang tahun 2014 sebanyak 160 program rasmi didokumenkan dalam bentuk foto atau video yang melibatkan program sukan, lawatan, penguatkuasaan, belia, kemasyarakatan dan sumber manusia telah dibuat liputan.

Unit ini juga bertanggungjawab menerbitkan video bulanan yang memaparkan aktiviti-aktiviti Ahli-ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk ditonton semasa persidangan Majlis Mesyuarat Penuh bulanan Majlis. Pada tahun 2014 sebanyak 46 video telah diterbitkan terdiri daripada Video Edisi dan juga program khusus.

Jumlah Liputan Seksyen Fotografi dan Audio Visual Mengikut Kategori Tahun 2014

Bil.	Kategori	Jumlah
1.	Sukan	16
2.	Kemasyarakatan / Mesra Rakyat / Belia	51
3.	Penguatkuasaan	5
4.	Kesihatan	9
5.	Pendidikan	10
6.	Alam Sekitar	13
7.	Sumber manusia / Kursus	24
8.	Perkhidmatan Perbandaran	9
9.	Lawatan	13
10.	Sidang media	10
	Jumlah keseluruhan	160

Seksyen Penerbitan

Seksyen Penerbitan merangkumi dua sub seksyen iaitu editorial dan grafik. Seksyen penerbitan dipertanggungjawabkan menyalurkan informasi dalam bentuk bahan bercetak misalnya laporan tahunan, risalah, direktori, buletin, gegantung, kain rentang dan sebagainya.


Pada tahun 2014, seksyen ini telah berjaya menerbitkan sejumlah sepuluh (7) jilid akhbar tabloid Berita Petaling Jaya untuk edaran penduduk Petaling Jaya, jabatan-jabatan kerajaan dan PBT-PBT terpilih di Malaysia. Akhbar ini dicetak sebanyak 11,000 naskah setiap keluaran mengandungi maklumat berkenaan segala aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh MBPJ selaku pihak berkuasa tempatan yang menyediakan perkhidmatan kepada warga Petaling Jaya sebagai makluman dan hebahan.

Sepanjang tahun 2014, seksyen ini juga telah melakukan sebanyak 460 kerja-kerja grafik yang melibatkan mereka bentuk poster, gegantung, kain rentang, buku atur cara, iklan akhbar, kad ucapan perayaan dan sebagainya.

Pada setiap tahun seksyen ini juga dipertanggungjawabkan untuk menerbitkan penerbitan berkala seperti diari korporat, kalendar dan juga *executive planner*. Ketiga-tiga bahan penerbitan ini telah dicetak untuk edaran kakitangan dan juga persatuan penduduk dengan memasukkan maklumat-maklumat penting berkaitan Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi memudahkan orang ramai berhubung dengan Majlis.

Laporan Kerja-kerja Mereka Bentuk Bahan Penerbitan 2014

Bil.	Perkara	Bulan												Jumlah
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
1.	Buletin / Akhbar	1	1	-	1	-	-	-	1	1	-	1	1	7
2.	Banner/backdrop/billboard/bunting	10	10	11	16	26	22	8	5	22	17	23	13	183
3.	Poster/brosur	2	3	5	6	10	23	1	2	4	10	7	2	75
4.	Kad atur cara	-	3	-	7	2	2	1	3	2	1	3	2	26
5.	Sijil penyertaan/penghargaan	-	5	2	5	6	6	2	2	7	9	9	11	64
6.	Lain-lain	2	8	5	9	15	14	1	6	5	15	8	17	105
		Jumlah Keseluruhan												460



Unit Aduan Awam

Unit Aduan Aduan merupakan unit yang bertanggungjawab memantau aduan penduduk Petaling Jaya sama ada melalui telefon, secara online maupun bersemuka semasa Hari Bertemu Pelanggan. Aduan yang diterima akan disalurkan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk diambil tindakan.

Laporan Aduan 2014

Bil.	Jabatan	Aduan Diterima	Aduan Selesai	Aduan Berulang	Tindakan 2015
1.	Jabatan Khidmat Pengurusan Tatacara kerja kakitangan	31	21	-	10
2.	Jabatan Perpendaharaan Cukai taksiran	79	56	-	23
3.	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Penilaian harta	37	37	-	-
4.	Jabatan Perancangan Pembangunan Salah guna bangunan/penempatan setinggan	84	81	-	3
5.	Jabatan Kejuruteraan Kereta buruk, lampu isyarat, lampu jalan/lampu taman/lampu limpah, penyelenggaraan hawa dingin Majlis, banjir, binaan lebuhraya/jambatan, bonggol, jalan dan longkang, papan tanda jalan, kabel, kesesakan lalu lintas, tanah runtuh	6,486	6,029	20	437
6.	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran Bunyi bising dan pencemaran, haiwan liar, kebersihan gerai/penjaja/restoran, kerosakan tong sampah/tong kitar semula, semak-samun, nyamuk, tikus	2,897	2,870	27	-
7.	Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan Penyelenggaraan padang/kolam renang/stadium, penyelenggaraan Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya	26	24	-	2

Bil.	Jabatan	Aduan Diterima	Aduan Selesai	Aduan Berulang	Tindakan 2015
8.	Jabatan Penguatkuasaan Binaan/setinggan haram, halangan kenderaan, tempat letak kereta dan siar kaki, kacau ganggu, penjaja tanpa lesen, sampah binaan, VCD, DVD dan permainan video haram	1,596	1,515	12	69
9.	Jabatan Kawalan Bangunan Kerja pembinaan melebihi waktu, rumah kosong, sambungan haram/projek pembangunan/pembinaan haram, binaan antena	554	524	-	30
10.	Jabatan Landskap Penyelenggaraan taman padang, penyelenggaraan pokok/landskap, pokok tumbang, cantas/tebang pokok	3,576	3,487	7	82
11.	Jabatan Pelesenan Iklan/lesen/gegantung, penjaja	96	85	1	10
12.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam Kebersihan jalan, kerosakan tong sampah, longkang tersumbat, rumput panjang, sampah kebun, papan tanda sampah	6,033	6,019	14	-
13.	Unit Perundangan Tindakan mahkamah	4	3	-	1
14.	Unit Perhubungan Awam / Unit Korporat dan Inovasi Aduan sistem SMS, aduan disalurkan kepada yang berkenaan, aduan tidak lengkap, lain-lain	1,081	22	-	1,059
15.	Unit Teknologi Maklumat <i>Helpdesk - hardware & software, komputer, perkhidmatan online</i>	36	17	-	19

Bil.	Jabatan	Aduan Diterima	Aduan Selesai	Aduan Berulang	Tindakan 2015
16.	Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) Kewangan (akaun penyelenggaraan bangunan, caj perkhidmatan dan lain-lain), aduan Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Perbadanan Pengurusan (MC)/ ejen pengurusan/pemaju, kerosakan unit kediaman/bangunan bersama (berstrata), penyelenggaraan bangunan, pertikaian akaun pemaju, sambungan haram kawasan berstrata	140	117	-	23
17.	Lain-lain Kunci kereta, Local Agenda	16	-	-	16
	Jumlah Keseluruhan	22,772	20,923	84	1,765

Tempoh Penyelesaian Aduan 2014

Tempoh	Jumlah Selesai	Peratusan (%)
1 hari	2,295	19%
2 – 5 hari	4,797	40%
6 – 10 hari	1,044	9%
11 – 15 hari	477	4%
16 – 20 hari	282	2%
21 – 30 hari	457	4%
31 – 60 hari	752	6%
>60 hari	1,831	15%
Jumlah Keseluruhan	11,935	100%

Hari Bertemu Pelanggan 2014

Bulan	Jumlah Pengadu	Jumlah
Januari	3	5
Februari	5	6
Mac	4	4
April	7	7
Mei	5	6
Jun	3	3
Julai	8	8
Ogos	6	8
September	3	3
Oktober	4	4
November	3	5
Disember	5	6
Jumlah	56	65

Unit Audit Dalam Dan Integriti



Unit Audit Dalam (UAD) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah ditubuhkan pada tahun 1991 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bilangan 2 Tahun 1979 dan dikemaskini melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004.

UAD bertanggungjawab terus kepada Datuk Bandar. Kedudukan ini menjadikan peranan UAD adalah penting untuk membantu pihak pengurusan dalam menilai segala program, aktiviti Majlis dilaksanakan mengikut dasar, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan dan diurus secara cekap dan teratur.

Tugas dan tanggungjawab UAD semakin mencabar apabila MBPJ meluluskan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat pada 31 Julai 2008. Jawatankuasa ini akan menilai dan membincangkan laporan audit, tindakan susulan dan usaha penambahbaikan oleh Jabatan/Bahagian yang diaudit.

Selain itu UAD juga berperanan sebagai urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat serta sekretariat Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Keutuhan peringkat Majlis. Unit Integriti telah ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh seterusnya meningkatkan patriotisme. Secara tidak langsung dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika.

Sepanjang tahun 2014, UAD telah menjalankan 6 Pengauditan Pengurusan Kewangan, 1 Pengauditan Prestasi, 10 Pemeriksaan / Siasatan Khas, 2 Pemeriksaan Mengejut, 1 Penampilan Audit, 1 Audit ISO dan 1 Audit 5S.

Visi

Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan integriti dan akauntabiliti di dalam pengurusan MBPJ.

Misi

Melaksanakan pengauditan setiap pengurusan program dan aktiviti MBPJ serta mengeluarkan laporan audit secara bebas dan adil.

Moto

Integriti dan Akauntabiliti Asas Urus Tadbir Yang Baik.

Fungsi Utama Unit Audit Dalam

1. Membantu pihak pengurusan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus pengurusan kewangan selaras dengan dasar, undang-undang dan peraturan yang diterima pakai oleh Majlis.
2. Menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta wujudnya kawalan dalaman Majlis.
3. Menentukan keberkesanan pelaksanaan ICT di samping meningkatkan kecekapan penggunaan ICT di Majlis.
4. Menyediakan laporan audit yang bebas, adil, tepat dan berkualiti kepada Datuk Bandar dan mengambil tindakan susulan.
5. Memberikan cadangan pembetulan dan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan dan program serta aktiviti Majlis.

Fungsi Unit Integriti

Antara fungsi Unit Integriti ialah memastikan wujudnya tadbir urus yang baik, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan aduan salah laku, pengurusan aduan, pemeriksaan pematuhan terhadap segala peraturan dan undang-undang yang diterima pakai oleh Majlis di samping memastikan kes salah laku dibawa ke Lembaga Tatatertib.

Perjawatan

Kedudukan perjawatan UAD bagi tahun 2014 seperti di Jadual 1.

Bil.	Jawatan/Gred	2013	2014
1.	Ketua Audit Dalam (W48)	1	1
2.	Juruaudit (W44)	1	1
3.	Juruaudit (W41)	1	1
4.	Penolong Juruaudit (W27)	3	3
5.	Penolong Jurutera (J29)	1	1
6.	Pembantu Tadbir (N22)	1	1
7.	Pembantu Juruaudit (W17)	1	1
8.	Pembantu Tadbir P/O (N17)	4	4
9.	Pembantu Operasi (N11)	-	1
10.	Pemandu (R3)	-	1
	Jumlah	13	15

Jadual 1: Kedudukan Perjawatan UAD


Aktiviti Pengauditan

Sepanjang tahun 2014 UAD telah melaksanakan aktiviti pengauditan mengikut Rancangan Audit seperti yang ditetapkan. Antara aktiviti pengauditan yang telah dilaksanakan adalah seperti di Jadual 2:


Bil.	Aktiviti Pengauditan	Bil. Yang Dirancang	Bil. Yang Diaudit
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan	7	6
2.	Pengauditan Prestasi	4	1
3.	Pengauditan Penyiasatan Khas	-	10
4.	Penampilan Audit	3	1
5.	Pemeriksaan Mengejut	2	2
6.	Audit ISO	1	1
7.	Audit 5S	1	1
8.	Siasatan Di Bawah AP 59	-	6
Jumlah		18	28

Jadual 2: Aktiviti Pengauditan

Bilangan Rancangan Audit Dan Pencapaian Audit Bagi Tahun 2014



PECAHAN PELAKSANAAN JENIS PENG AUDITAN



Senarai pengauditan yang dijalankan adalah seperti di Jadual 3.

Bil.	Tajuk Aktiviti Pengauditan	Jenis Aktiviti
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan Berasaskan Indeks Akauntabiliti Jabatan/Bahagian Majlis.	Pengurusan Kewangan
2.	Pengauditan Pengurusan Kontraktor Pembersihan Awam Dan Sisa Pepejal di Jabatan Kesihatan Persekutuan	Pengauditan Prestasi
3.	Pemeriksaan Pengurusan Akaun Amanah Majlis	Pengauditan Prestasi
4.	Siasatan Berkaitan Perintah Mahkamah Bertarikh 28 Februari 2013 Antara Tetuan Laguna De Bay Sdn. Bhd. dan MBPJ	Audit Khas
5.	Pemeriksaan Kedudukan Akaun <i>All Star Milo Squash Championship</i> , Akaun Kejohanan Squash Terbuka PJ dan Akaun Squash Remaja MBPJ	Audit Khas
6.	Siasatan Penyewaan Padang Timur dan Program Larian “Nutrilite Colour Fun Run” pada 12 Oktober 2014	Audit Khas
7.	Siasatan Dakwaan Bekas Kakitangan Sambilan Berkaitan Kegagalan Menerima Gaji dan Caruman KWSP Semasa Berkhidmat di MBPJ	Audit Khas
8.	Pemeriksaan Ke Atas Akaun Wang Panjar Runcit, Kutipan Tunai, Bilik Kebal dan Mesin <i>Franking</i> Majlis bulan Mei dan November 2014	Pemeriksaan Mengejut



Senarai pengauditan yang dijalankan adalah seperti di Jadual 3.

Bil.	Tajuk Aktiviti Pengauditan	Jenis Aktiviti
9.	Siasatan Kes Kegagalan Syarikat Yaz Resources Membekalkan Bahan Kimia 'Aqua Resigen dan Resigen' Bagi Kegunaan Aktiviti Kawalan Denggi	Auditan Khas
10.	Siasatan Berkaitan Laporan Tuntutan Palsu Dan Salah Guna Kuasa Di Bahagian Pelancongan, Kebudayaan Dan Sukan Berprestasi Tinggi	Auditan Khas
11.	Siasatan Ke Atas Aduan Aktiviti Mencurigakan di Kawasan Letak Kenderaan, Stadium MBPJ	Auditan Khas
12.	Siasatan Kemasukan Hadiah Kemenangan Anugerah Inovasi ke Akaun Kelab Sukan Dan Kebudayaan MBPJ	Auditan Khas
13.	Siasatan Di Bawah Arahan Perbendaharaan (AP59) Majlis	Auditan Khas
14.	Audit ISO	Lain-lain
15.	Audit 5S	Lain-lain
16.	Pemeriksaan Penyata Penyesuaian Bank	Pengurusan Kewangan

Jadual 3: Tajuk Aktiviti Pengauditan

Mesyuarat Dan Jawatankuasa

Dalam tahun 2014 Mesyuarat Jawatankuasa yang turut disertai oleh UAD adalah seperti di Jadual 4.

Bil.	Nama Mesyuarat	Bil. Mesyuarat	Catatan
1.	Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat	8	Sekurang-kurangnya 4 kali setahun
2.	Jawatankuasa Kewangan	12	Setiap bulan
3.	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JKPA)	4	Setiap 3 bulan
4.	Jawatankuasa Integriti dan Keutuhan (JITU)	4	Setiap 3 bulan
5.	Pengurusan Aset Majlis (JKPAK)	3	Setiap 3 bulan
6.	Mesyuarat Bahagian UAD	5	

Jadual 4: Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa

Sepanjang tahun 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat telah bersidang sebanyak 8 kali. Berikut adalah merupakan perkara-perkara yang dibincangkan sepanjang mesyuarat seperti di Jadual 5.

Bil.	Tarikh	Perkara Dibincangkan
1.	Mac	1. Pekeliling Manual Tatacara Jawatankuasa Audit PBT Selangor 2. Rancangan Audit 2014 3. Laporan Pemeriksaan Pengurusan Stor 4. Laporan Siasatan Tuntutan dari Syarikat Famason & Perniagaan Wawasan BH
2.	Mac	Pengauditan Pengurusan Kewangan Di Jabatan Dan Bahagian Di Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tahun 2013 • Jabatan Kawalan Bangunan • Jabatan Kejuruteraan • Jabatan Perbendaharaan • Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan
3.	Mei	Susulan kepada pemeriksaan Stor Majlis

4.	Jun	Pindaan terhadap Minit Mesyuarat JK Teknikal JAKP Bil. 2/2014
5.	Ogos	<p>1. Rayuan kepada penolakan KM bagi tujuan material guna tanah Lot PT320 dan PT321 :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenai keputusan Lembaga Rayuan Negeri Selangor <p>2. Isu percanggahan maklumat di dalam KM dan permohonan menimbangkan permohonan pindaan KM untuk Tetuan Atria Damansara</p> <ul style="list-style-type: none"> • UAD diarahkan untuk mengaudit
6.	Sept	Laporan pemeriksaan mengejut
7.	Dis	Laporan Pemeriksaan Pengurusan Akaun Amanah Majlis
8.	Dis	Pembentangan Rancangan Audit Tahun 2015

Jadual 5: Jadual Mesyuarat JATU

Latihan

Dalam tahun 2014 hampir kesemua pegawai dan kakitangan UAD telah menghadiri kursus dan latihan sepanjang tahun dan memenuhi syarat mengikuti kursus 7 hari setahun sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010. Antara program latihan yang dihadiri seperti di Jadual 6:

Bil.	Tajuk Seminar / Kursus / Bengkel	Tarikh	Bil. Peserta & Gred
1.	<i>Energy And Water Management Training</i>	12/02/2014	2 orang – N22 & N17
2.	Bengkel Pemantapan Juruaudit Dalaman MS ISO 9001:2008 MBPJ	5/02/2014 - 06/02/2014	7 orang – W48, W44, W41, W27, J29 & N22
3.	Seminar Integriti Siri 1 Tahun 2014	27/02/2014	2 orang – W44 & N22
4.	Bengkel Perancangan Strategik MBPJ Dan Mesyuarat Pengarah-pengarah	06/03/2014 – 08/03/2014	1 orang – W44
5.	Wacana Ilmu, Adab Dan Tamadun Siri 5 Bilangan 3/2014	21/03/2014	2 orang – N17
6.	Ceramah Keselamatan Dan Kesedaran Kebakaran	28/03/2014	1 orang - W27

7.	Pengurusan Tatatertib Dalam Perkhidmatan Awam Dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	09/04/2014	2 orang - W44 & N22
8.	Bengkel Pengukuhan Dan Pemantapan Juruaudit Dalaman 5S /QE MBPJ	28/04/2014 – 29/04/2014	5 orang – W44, W41, W27, N22 & N17
9.	Bengkel Teknik Pengurusan Fail 5S	29/04/2014 – 30/04/2014	2 orang – N17
10.	Program Pegawai Integriti Bertauliah	04/05/2014 – 22/05/2014	1 orang – W41
11.	Taklimat Penggunaan Aplikasi HRMIS Kepada Kakitangan Kontrak MBPJ	09/05/2014	5 orang – W41, W27, J27 & N11
12.	Program Latihan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 8 Bil. 3/2014	28/04/2014 – 29/04/2014	1 orang – W41
13.	Bengkel Penulisan Semula Pelan Strategik MBPJ 2014-2015	24/06/2014 – 25/06/2014	1 orang – W27
14.	Menerobos Sempadan Diri Bulan Ramadan	02/07/2014	1 orang – W44
15.	Ceramah Sempena Bulan Ramadan Al-Mubarak (Ustaz Kazim Elias)	04/07/2014	13 orang – W44, W41 N17 & N11
16.	Ceramah Sempena Bulan Ramadan Al-Mubarak (Ustaz Akhil Hayy)	11/07/2014	13 orang – W44, W41 N17 & N11
17.	Ceramah Sempena Bulan Ramadan Al-Mubarak (Ustaz Dzulkarnain Bin Hamzah)	18/07/2014	13 orang – W44, W41 N17 & N11
18.	Seminar Kewangan & Pengauditan Sektor Awam 2014	05/08/2014	1 orang – W44
19.	Bengkel Pembentangan Bajet 2015	11/08/2014 – 12/08/2014	3 orang –W48, W44 & W27

Bil.	Tajuk Seminar / Kursus / Bengkel	Tarikh	Bil. Peserta & Gred
20.	Bengkel Mengurus 7 Pembaziran Dalam Pentadbiran & Pengurusan Pejabat	26/08/2014 - 27/08/2014	2 orang - W17 & N17
21.	Bengkel Persediaan Audit Persijilan 5S Di MBPJ	24/09/2014 - 25/09/2014	3 orang - N17 & W44
22.	Program Memperkasakan Integriti Berkonsepkan Eko - Pelancongan Biodiversiti Bersama Masyarakat	25/09/2014 - 27/09/2014	1 orang - W41
23.	Seminar Kelestarian Integriti Dan Majlis Penutup Program Pegawai Integriti Bertauliah Siri 8 Bil. 3/2014	30/09/2014	2 orang - W48 & W27
24.	<i>National Conference For Internal Audit 2014 - Embracing Change</i>	13/10/2014 - 14/10/2014	2 orang - W48, & W41
25.	<i>Green Recycling & Green Purchasing Opportunities And Partnerships - Seminar Sempena With IGEM 2014</i>	17/10/2014 - 18/10/2014	1 orang - W44
26.	Persidangan DwiTahunan CAPAM 2014	19/10/2014 - 21/10/2014	1 orang - W48
27.	<i>MIA Conference 2014 - Powering The Economy Leading With Dynamism</i>	04/11/2014 - 05/11/2014	3 orang - W48, W44 & W41
28.	Bengkel Pelaksanaan Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	11/11/2014	1 orang - W41
29.	Hari Audit 1 Malaysia Dan Persidangan Dan Juruaudit Sektor Awam	23/11/2014 - 25/11/2014	1 orang - W48

Jadual 6: Senarai Latihan Yang Dihadiri

Unit Pusat Setempat (O.S.C)





Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007 telah bersetuju supaya penubuhan Unit Pusat Setempat (OSC) di PBT adalah merupakan salah satu daripada inisiatif yang telah diputuskan di dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 13 April 2007. Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah ditubuhkan pada 12 Jun 2007.

Dengan penubuhan Unit Pusat Setempat (OSC) ini, norma masa memproses permohonan dapat dipendekkan. Selain itu, kes-kes pertindihan ulasan teknikal semasa memproses permohonan kebenaran merancang, permohonan pelan bangunan, permohonan pelan kejuruteraan, permohonan pelan landskap serta permohonan untuk mendapatkan kelulusan pembangunan tanah dapat dielakkan.

Visi

“MBPJ Peneraju Gerbang Pembangunan”

Misi

“Mesra, Efisien Dan Berintegriti”

Matlamat

Matlamat Unit Pusat Setempat (OSC) ini adalah untuk mengurangkan karenah birokrasi di dalam prosedur dan proses cadangan pemajuan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Objektif

Antara objektif penubuhan Unit Pusat Setempat (OSC) ini adalah:

- i. Menyelaras dan memudahkan proses kelulusan permohonan pembangunan tanah, Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan Dan Perparitan dan pelan-pelan lain berkaitan cadangan pemajuan;
- ii. Memendekkan norma masa dan mempercepatkan proses permohonan cadangan pemajuan dalam tempoh 3 bulan; dan
- iii. Menyeragamkan prosedur dan proses cadangan pemajuan dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 56), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Pencapaian Pemantauan Kelulusan Pelan Pembangunan

Jumlah Permohonan

Sebanyak 678 permohonan meliputi Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan, Pelan Landskap dan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) telah diterima oleh Unit Pusat Setempat dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Unit Pusat Setempat (OSC) telah melaksanakan permohonan melalui Sistem OSC Online sejak tahun 2010 terhadap semua jenis permohonan pelan pembangunan kecuali Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) dan Permohonan Pelan Telekomunikasi (TELCO).


Jadual 1 : Jumlah Permohonan Yang Diterima Oleh Unit OSC Mengikut Kaedah Pengemukaan Pelan Permohonan

Sistem OSC Online	Kaunter OSC	Jumlah Keseluruhan
567	111	678


Jadual 2 : Jumlah Permohonan Pelan-Pelan Pembangunan Yang Diterima Oleh Unit OSC Dari 1 Januari 2014 Hingga 31 Disember 2014

Bil.	Bulan	Permohonan
1.	Januari	58
2.	Februari	41
3.	Mac	70
4.	April	54
5.	Mei	39
6.	Jun	57
7.	Julai	72
8.	Ogos	54
9.	September	56
10.	Oktober	57
11.	November	44
12.	Disember	76
Jumlah Keseluruhan		678

Rajah 1: Jumlah Permohonan Yang Diterima Mengikut Bulan

**Jumlah Permohonan Mengikut Jenis Dan Cara Pengemukaan**

Terdapat dua (2) cara pengemukaan permohonan pelan pembangunan ke Unit Pusat Setempat (OSC) iaitu melalui permohonan secara serentak dan juga permohonan secara berasingan. Rajah di bawah menunjukkan jumlah permohonan mengikut jenis permohonan.



Rajah 2: Jumlah Permohonan Mengikut Jenis Permohonan

Jadual 3: Cara Pengemukaan Permohonan Dari 1 Januari 2014 Hingga 31 Disember 2014

Bil	Jenis Permohonan	Bilangan Permohonan												Jumlah Kecil
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	
Permohonan Secara Serentak														
1.	i. KM+KT+PB+J&P+PL+LJ (6)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	ii. KM+KT+PB+J&P+PL (5)*	-	-	1	-	-	-	1	-	-	-	-	1	15
	iii. KM+KT+PB+J&P+LJ (5)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	iv. KM+KT+PB+PL (4)*	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	1	1	16
	v. KM+KT+PB+J&P (4)*	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8
	vi. KM+KT+PB (3)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	6
	vii. KM+KT+J&P (3)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	viii. KM+KT (2)*	-	-	-	1	-	-	-	-	1	-	-	-	4
	ix. KM+KT+PL (3)*	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1	6
	x. KM+PL (2)*	2	3	7	5	2	4	5	7	6	5	3	2	102
	xi. PB+J&P+LJ (3)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	xii. KM+PB (2)*	-	1	-	-	3	-	-	-	-	-	1	-	10
	xiii. KT+PB+J&P+PL (4)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	xiv. KT+PB+J&P (3)*	-	1	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	6
	xv. KT+J&P+LJ (3)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	xvi. KT+PB+PL (3)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	xvii. KT+J&P (2)*	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
	xviii. KT+PB (2)*	1	-	-	-	-	2	3	-	-	-	1	-	14
	xix. PB+J&P (2)*	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	2
	Jumlah Kecil (Bilangan Permohonan x Jumlah Permohonan Secara Serentak)													191
Permohonan Secara Berasingan														
2.	i. Kebenaran Merancang (KM)	14	2	13	17	10	11	10	10	15	15	4	12	133
	ii. Kelulusan Pelan Bangunan (PB)	5	5	9	4	5	9	6	5	10	7	6	13	84
	iii. Pelan Infrastruktur (Jalan & Parit - J&P)	1	2	3	4	4	3	5	10	-	5	5	7	49
	iv. Pelan Infrastruktur (Kerja Tanah - KT)	3	3	4	5	1	8	10	2	2	1	5	3	47
	v. Pelan Lampu Jalan & Isyarat (LJ + LI)	3	4	5	-	-	4	6	1	1	2	3	4	33
	vi. Pelan Landskap (PL)	4	3	6	2	3	5	3	7	1	5	3	5	47
	vii. Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC)	14	11	9	10	6	2	6	5	9	8	4	10	94
	Jumlah Kecil	44	30	49	42	29	42	46	40	38	43	30	54	487
	JUMLAH KESELURUHAN													678


Analisis Permohonan Pelan Pembangunan

Permohonan Yang Diproses

Daripada 678 permohonan yang diterima pada tahun 2014, 584 permohonan adalah terdiri daripada Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan, Pelan Bangunan dan Pelan Landskap. Manakala 94 permohonan lagi merupakan permohonan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC). Walau bagaimanapun, 22 permohonan telah ditarik balik oleh pemohon menjadikan jumlah bersih permohonan yang diproses adalah sebanyak 562 sahaja.

Jadual 4: Bilangan Permohonan Pelan Pembangunan Yang Telah Diberikan Keputusan Dan Masih DiProses

Keputusan J/K OSC			Dalam Proses		Untuk Perbincangan J/K OSC	Permohonan Ditarik Balik/ Batal	Jumlah Permohonan	Jumlah Bersih	Jumlah Permohonan Melebihi Piagam 3 Bulan
Lulus	Tolak	Tangguh	Tidak Lewat	Telah Lewat					
493	54	7	-	7	-	22	584	562	166
88%	9%	1%	-	1%	-				
554 (98%)			7 (1%)		-			100%	




Rajah 3: Pecahan Peratusan Status Permohonan Pelan Pembangunan

Status Pematuhan Piagam

